

BAB KETIGA

BAB KETIGA

KONSEP *WAKĀLAH* DALAM AQAD PERKAHWINAN

Pendahuluan

Dalam bab yang ketiga ini, penulis akan membincangkan secara terperinci berkenaan dengan konsep *wakālah* yang berlaku dalam aqad perkahwinan berdasarkan kepada ayat-ayat Al-Qurān, hadith Nabi s.a.w. dan ijmak para ulama'. Seterusnya dalam setiap perbincangan ataupun permasalahan akan dibincangkan dan disebutkan serta dikemukakan pula secara terperinci tentang pendapat-pendapat serta *khilāf* para ulama' dan dalil setiap pandangan. Seterusnya penulis akan mentarjih ataupun memilih pandangan yang lebih kuat berdasarkan kepada dalil-dalil yang telah dikemukakan oleh setiap pandangan ataupun yang lebih bersesuaian dengan keadaan setempat dan suasana semasa khususnya di Malaysia pada masa kini. Perbincangan akan dibahagikan kepada lima fasal penting iaitu:

Fasal pertama: Takrif *wakālah*.

Fasal kedua: Dalil pensyariatan, rukun dan hukum-hukum khas *wakālah*.

Fasal ketiga: Pembahagian *wakālah*.

Fasal keempat: Wakil atas wakil

Fasal kelima: Aqad *fudūlī*.

FASAL PERTAMA

1.0. **Takrif *Wakālah*.**

Untuk menjelas dan memperbincangkan dengan lebih terperinci lagi berkenaan dengan konsep *wakālah* dalam aqad perkahwinan ini, penulis terlebih dahulu akan menyebut dan menyelami takrif *wakālah* itu sendiri. Dalam perbincangan ini, ianya akan dibahagikan kepada dua bahagian penting, iaitu:

Pertama: *Wakālah* pada bahasa.

Kedua: *Wakālah* pada syara'.

1.1. *Wakālah* pada bahasa.

Dari segi bahasa, perkataan *wakālah* atau *al-wakālah* (الْوَكَالَةُ) iaitu

dengan difathahkan huruf *al-wau* (و) ataupun *al-wikalah* iaitu dengan

dikasrahkan huruf *al-wau* (و) bermaksud: Menyerahkan sesuatu

urusan kepada orang lain untuk melakukannya.

Dikatakan juga, ianya bermaksud:

“ Menyerahkan kepada orang lain untuk memelihara dan menjaga”¹.

Disebut dalam kitab *Lisān al- 'Arab*²

“ Aku mewakilkan urusanku kepada Fulan, iaitu aku berserah dan berpegang kepadanya dalam mengendalikan urusanku ”

Dan dikatakan juga:

“ Fulan mewakilkan kepada Fulan” apabila ia boleh melakukannya dan percaya kepadanya ataupun kerana ia merasa lemah atau tidak mampu untuk melakukan urusannya dengan sendirinya.

Disebutkan dalam kitab *al-Wasīt*³, *wakālah* bermaksud:

“ Seseorang meminta kepada orang lain untuk mengerjakan baginya sesuatu urusan ataupun pekerjaan ”.

¹ Abd Al-Fattāh Abū al-'Ainayn, (t.t), *Al-Islām Wa al-Uṣrah*, Maktabah al-'Ālamīyyah, h.207. Al-Nawāwī, *Tahdhīb Asmā' Wa al-Lughāt*, jld:3, h.195. Muhammad Rawwās (Dr) et al, (1988M-1408H), *Mu'jam Lughah al-Fuqahā'*, Bērūt: Dār al-Nafāis, h.509. al-Syarbīnī al-Khaṭīb, op.cit. h. 217. Ibn Hajar al-Haitamī,(2001M-1421H), *Tuhfah al-Muhtāj*, jld: 2, Bērūt: Dār al-Kutub al-'Ilmīyyah, h. 317.

² Ibn Manzūr, (t.t), *Lisān al- 'Arab*, jld:14, al-Muassasah al-Miṣriyyah, h.261

³ Majmā' al-Lughah al-'Arabiyyah, (1985), *Al-Mu'jam al-Wasīt*, Jld:2, Syarikāt al-l'lānat al-Syarqiyyah, h1097.

Manakala menurut Dr Wahbah al-Zuhāiliy dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, *al-Wakālah* ataupun *al-Wikālah* pada bahasa arab menunjukkan kepada dua pengertian atau makna⁴ iaitu:

Pertama: *Al-Hifz* (الْحِفْظُ) , bererti menjaga. Firman Allāh s.w.t. dalam Sūrah Āli

'Imrān, ayat 173:

قَالُوا حَسِبْنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

Ertinya: Cukuplah Allāh untuk (menolong) kami, dan Ia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepadanya segala urusan kami). Āli 'Imrān (3): ayat 173.

Al-Hāfiẓ, bererti yang menjaga.

FirmanNya lagi:

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَاتَّخِذْهُ وَكِنْدَلْ

Ertinya: Tiada Tuhan melainkan Dia; Maka jadikanlah Dia penjaga yang menyempurnakan urusanmu. Al-Muzzammil (73): 9.

Wakilan (وكيل) dalam ayat ini bererti penjaga (خليفة). Seperti yang telah dikatakan oleh *al-Farrā'*

⁴ Wahbah al-Zuhāiliy, op.cit. h.150.

Kedua: *Al-Tafwīd* (الْتَّفْوِيدُ) bererti menyerahkan.

Seperti dikatakan:

وَكُلُّ أَمْرِهِ إِلَى فَلَانٍ

Ertinya: *Ia mewakilkan urusannya kepada si Fulan.*

Kata-kata ini bermaksud, ia telah menyerahkan urusannya kepada orang lain dan memada dengan orang tersebut melakukan urusannya itu.

Makna ini dijelaskan oleh Allāh s.w.t. dalam Sūrah Ibrāhim, ayat 12:

وَعَلَى اللَّهِ فَلَيْتَوْ كُلِّ الْمُتَوَكِّلُونَ

Ertinya: *Maka kepada Allāh jualah hendaknya berserah diri orang-orang yang mahu berserah diri.* Ibrāhim (14): 12.

Dan firmanNya lagi:

إِنِّي تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ رَبِّي وَرَبِّكُمْ

Ertinya: *Kerana sesungguhnya aku telah berserah diri kepada Allāh , Tuhanku dan Tuhan kamu.* Hūd (11): 56.

Kedua-dua ayat yang disebutkan di atas bermaksud:

“ Aku berpegang kepada Allāh dan aku menyerah urusanku kepadaNya ”.

Berkata al-Syēikh ‘Alī al-Šābūnī dalam kitabnya *Safwah al-Tafsir* dalam menjelaskan makna kepada ayat ini⁵:

“ *Aku bersandar kepada Allāh dan aku menyerahkan urusanku kepadaNya yang merupakan Tuhanmu dan Tuhan sekalian kamu* ”.

Manakala ayat 12 dari *Sūrah Ibrāhīm* pula, menurut al-Syēikh ‘Alī al-Šābūnī ianya adalah merupakan arahan supaya berterusan dan tetap dengan bertawakkal dan berserah hanya pada Allāh yang satu⁶.

1.2. *Wakālah pada Syara'*.

Untuk menjelaskan makna *wakālah* pada *syara'* dengan cara yang lebih terperinci, penulis akan membentangkannya mengikut mazhab yang empat.

⁵ Al-Šābūnī, (t.t), *Safwah al-Tafsir*, jld:2, Bērūt: Dār al-Qalam, h.21.

⁶ Ibid, h.93.

1.2.1. Takrif Ḥanafiyah

Menurut mazhab Imam Abū Ḥanīfah, *wakālah* ialah⁷ :

“ Seseorang melantik seseorang yang lain bagi menggantikan tempatnya untuk melakukan atau mengendalikan sesuatu urusan yang diharuskan serta diketahui dan disyaratkan bagi orang yang menerima wakil adalah dari kalangan mereka yang berkelayakan dan boleh mengendalikan urusan ”.

⁷ Al-Zuhāyli, op.cit., jld:5, h 72. Al-Jazāir, (1990M-1410H), *al-Fiqh 'Alā Al-Madhāhib al-Arba'ah*, jld:2, Bēirut: Dār al-Kutub al-Islāmīyah, h148.

1.2.2. Takrif Mālikīyyah

Menurut mazhab Imam Mālik pula⁸:

“ *Wakālah* ialah seseorang melantik seseorang yang lain untuk menyelenggarakan ataupun bertindak pada haknya seperti tindakannya sendiri tanpa dikaitkan dengan tindakan-tindakan setelah mati ”.

Dari takrif yang dikemukakan oleh mazhab Imam Mālik di atas, dapat disimpulkan bahawa wasiat tidak termasuk dalam ertikata *wakālah* walaupun terdapat persamaan di antara keduanya dari segi melantik orang lain untuk mengendalikan urusan peribadi. Ini kerana wasiat dilakukan setelah matinya *muwakkil* ataupun setelah meninggal dunia. Manakala *wakālah* pula mestilah dilakukan atau berlaku semasa hayat atau semasa *muwakkil* masih lagi hidup.

1.2.3. Takrif Syāfi’Iyyah.

Menurut mazhab Imam al-Syāfi’ī pula, *wakālah* bermaksud:⁹

“ Seseorang menyerahkan sesuatu urusan yang boleh menerima ganti kepada orang lain untuk melakukannya sewaktu hayat atau hidupnya ”.

⁸ Ibid.

⁹ Ibid, al-Syarbīnī, op.cit.. Ibn Hajar, op.cit..

Dari takrif di atas dapat disimpulkan bahawa menurut mazhab Syāfi'i *wakālah* mestilah berlaku sewaktu hidupnya wakil dan *muwakkil* dan perkara yang diwakilkan pula mestilah perkara yang tidak semestinya dilakukan dengan sendiri oleh pemilik asalnya iaitu *muwakkil*. Dengan erti, ianya boleh digantikan oleh pihak yang lain (قابل للنیابة).

Seterusnya mazhab Imam *al-Syāfi'i* juga mensyaratkan sepetimana dengan mazhab Imam Abū Ḥanīfah bahawa disyaratkan bagi pihak wakil dan *muwakkil* termasuk dalam kalangan orang yang berkelayakan dan boleh bertindak dengan sendiri tanpa terhenti atas keizinan pihak-pihak yang lain sepetimana dengan orang gila dan kanak-kanak.

1.2.4. Takrif Hanbalī.

Mazhab Hanbalī pula menyatakan bahawa:¹⁰

“ *Wakālah* ialah seseorang yang bebas bertindak melantik pihak kedua yang juga bebas bertindak seperti dengan dirinya untuk melakukan perkara yang menerima ganti yang terdiri dari hak-hak Allāh s.w.t. dan juga hak-hak anak Adam ”.

Dari takrif mazhab Hanbalī ini, jelaslah bahawasanya disyaratkan kepada wakil dan *muwakkil* mestilah dari golongan orang yang merdeka, berakal dan baligh. Ini bererti

¹⁰ Al-Jazāir op.cit.

tidak sah *wakālah* jika keduanya ataupun salah satu daripadanya termasuk dikalangan orang yang terhalang untuk bertindak ataupun *mahjūr 'alaīh* (محجور عليه).

Begitu juga menurut mereka, perkara yang diwakilkan mestilah dari perkara-perkara yang boleh diganti ataupun boleh dilakukan oleh pihak yang lain sepetimana dengan pandangan mazhab *al-Syāfi'ī*.

2.0. Makna *wakālah* dalam aqad perkahwinan.

Makna *wakālah* dari segi syara' kebiasannya dibincangkan oleh para ulama' sewaktumana mereka membincangkan *wakālah* dalam aqad jual beli. Namun begitu, sebahagian kecil dari mereka cuba mencampurkan perbincangan *wakālah* dalam aqad jual beli dengan *wakālah* dalam aqad perkahwinan dalam satu perbahasan seperti Ibn Qudāmah dalam kitabnya *Mughnī*¹¹.

Numun begitu, dapatlah disimpulkan bahawa *wakālah* dalam aqad perkahwinan bermaksud:

“ Seseorang yang bebas bertindak (*tasarruf* / تصرف) melantik seseorang yang setaraf dengannya untuk mengendalikan ataupun melaksanakan aqad perkahwinan bagi pihak dirinya, samada ianya daripada pihak lelaki ataupun wali perempuan ataupun perempuan itu sendiri”.

¹¹ Ibn Qudāmah, op.cit. h.217-218

Setelah melihat kepada takrif dan pengertian *wakālah* yang telah diberikan di atas, dapatlah diambil beberapa kesimpulan, antaranya:

- i. *Wakālah* bermaksud, seseorang individu melantik individu yang lain untuk melakukan tugas atau kerjanya.
- ii. *Wakālah* hanyalah berlaku pada ketika kedua-dua pihak, iaitu wakil dan *muwakkil* masih lagi hidup.
- iii. Wakil dan *muwakkil* mestilah merupakan pihak yang bebas bertindak terhadap hak dirinya sendiri.
- iv. Disyaratkan terhadap perkara yang yang diwakilkan mestilah ianya termasuk dalam perkara-perkara yang boleh menerima gantian, samada ianya termasuk dalam perkara yang melibatkan hak-hak anak Adam ataupun hak-hak Allāh s.w.t.
- v. *Wakālah* dalam aqad perkahwinan bermaksud, seseorang yang bebas bertindak mewakilkan kepada pihak kedua untuk mengahwinkannya dengan seseorang ataupun untuk menerima aqad perkahwinan bagi pihak dirinya dengan syarat-syarat yang tertentu.
- vi. Perempuan dibolehkan untuk mengizinkan atau mewakilkan kepada pihak wali atau wakil sewaktu ketiadaan *wali mujbir* mengikut jumhūr dan dalam semua

keadaan mengikut mazhab Hanafi yang membolehkan perempuan untuk mengahwinkan dirinya sendiri.

FASAL KEDUA.

DALIL PENSYARIATAN, RUKUN DAN HUKUM-HUKUM *WAKĀLAH*

Dalam fasal yang kedua ini, perbincangan akan menjurus kepada dalil-dalil pensyariatan *wakālah*. Setelah itu huraian dan kesimpulan hukum akan dibuat berdasarkan kepada dalil-dalil yang telah dikemukakan. Begitu juga dalam fasal ini penulis akan memperbincangkan dengan cara terperinci berkenaan dengan rukun *wakālah* dan hukum-hukum yang bersangkutan dengannya.

Pensyariatan *wakālah* telah sabit berdasarkan Al-Qurān, hadith dan ijma' seperti yang dinyatakan di bawah ini.

1.0. Dalil Al-Qurān.

1.1. Firman Allāh s.w.t. dalam Sūrah *al-Kahf*, ayat 19:

فَابْعَثْنَا أَحَدَكُمْ بِوَرِقْكُمْ هَذِهِ

Ertinya: Sekarang utuslah salah seorang dari kamu membawa wang perak kamu ini. Al-Kahf (18) : 19.

Dalam ayat ini, Allāh s.w.t. telah merakamkan tentang apa yang telah berlaku kepada *Ashāb al-Kahf* di mana mereka telah mencadangkan agar dilantik dan diwakilkan kepada salah seorang daripada mereka supaya turun ke bandar untuk membeli keperluan mereka seperti makanan dan sebagainya. Ini membuktikan bahawa *wakālah* adalah merupakan

sesuatu yang dibolehkan kerana apa yang dilakukan oleh mereka diperakui dan dirakamkan oleh Allāh s.w.t. sendiri dalam Al-Qurān. Dengan ertikata yang lain, jika ianya merupakan perkara yang terlarang tentulah Allāh s.w.t. akan menegur dan membatalkannya secara jelas dalam firmanNya.

1.2. Firman Allāh s.w.t. dalam Sūrah *al-Nisā'*, ayat 35:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعُثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِمَا وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِمَا

Ertinya: *Dan jika kamu bimbang perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah orang tengah (untuk mendamaikan mereka iaitu) seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan.* al-Nisā',(4), :35.

Manakala ayat di atas pula, ia menjelaskan tentang langkah yang perlu dilakukan apabila berlakunya perselisihan yang kritikal antara pasangan suami isteri. Dalam ayat ini, langkah yang perlu dilakukan ialah dengan kedua-dua pihak menghantar wakil untuk berbincang perkara-perkara yang sepatutnya dilakukan bagi menyelesaikan pertikaian yang timbul. Dengan itu, ayat ini secara jelas membuktikan bahawa *wakālah* adalah merupakan sesuatu yang dibolehkan, bahkan dalam situasi tertentu ianya adalah merupakan jalan penyelesaian yang terbaik bagi menyelamatkan keadaan.

1.3. Firman Allāh s.w.t. dalam Sūrah *al-Māidah* ayat:2

وَتَعَاوُنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ

Ertinya: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan bertaqwa.* Al-Māidah (5): 2.

Ayat kedua dari Sūrah *al-Māidah* ini membuktikan secara jelas tentang pensyariatan *wakālah*. Ini kerana *wakālah* adalah merupakan salah satu daripada bentuk tolong menolong untuk melakukan kebaikan dan kebijakan.

1.4. Firman Allāh s.a.w. dalam Sūrah *Yūsuf*:

اذْهِبُوا بِقَمِيصِي هَذَا

Ertinya: *Pergilah dengan membawa bajuku ini,* Yūsuf (12) : 93.

Dalam ayat ini, Nabi Yūsuf a.s. memerintahkan kepada salah seorang daripada abangnya yang ditangkap kerana mengambil makanan yang dimiliki oleh kerajaan supaya membawa baju miliknya kepada Nabi Ya'kūb a.s. yang sedang berada di rumahnya. Perbuatan Nabi Yūsuf a.s. ini membuktikan bahawa untuk melakukan sesuatu pekerjaan, dibolehkan kepada pihak yang terbabit supaya mewakilkan kepada orang lain untuk melakukannya.

Kesimpulan ayat.

Ayat secara keseluruhannya menunjukkan bahawa dalam berurusan, seseorang itu boleh mewakilkan haknya kepada orang lain ataupun kepada pihak yang kedua untuk melakukannya. Dengan erti, tidak semestinya urusan tersebut mesti dilakukan oleh tuan empunya dengan sendirinya, tetapi boleh juga ia melantik orang lain untuk melakukan ataupun melaksanakan urusan tersebut bagi pihak dirinya. Dengan itu termasuk juga dalam umum ayat bahawa dibolehkan berwakil kepada pihak yang kedua untuk mengendalikan urusan perkahwinan samada *ijab* ataupun *qabul*.

Bahkan menurut para ulama' antaranya Kadi Ḥusayn adalah disunatkan bagi pihak yang diwakilkan untuk menerima apa yang telah diwakilkan kepadanya kerana ianya adalah termasuk dalam makna ayat yang memerintahkan kepada umat manusia supaya tolong menolong dalam urusan kebaikan dan kebajikan¹².

2.0. Dalil pensyariatan *wakālah* daripada Hadith.

2.1. Hadith pertama:

Daripada 'Alqamah ibn 'Āmir bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda kepada seorang lelaki:

¹² Al-Syarbīnī, op.cit.jld:2, h.217.

أَتْرَضَى أَنْ أَزْوَجْكَ فَلَانَة؟ قَالَ نَعَمْ، وَقَالَ لِلنِّسَاءِ: أَوْ تُرْضِينَ أَنْ أَزْوَجَكَ فَلَانَا، قَالَتْ نَعَمْ. فَرَوْجَ أَحَدُهَا صَاحِبَهُ فَدَخَلَ بِهَا وَلَمْ يُفْرِضْ لَهَا صَدَاقًا وَلَمْ يُعْطِهَا شَيْئًا وَكَانَ مِنْ شَهِيدَ الْحَدِيبِيَّة..... رواه أبو داود.

Ertinya: *Adakah kamu rela bahawa aku kahwinkan kamu dengan Fulanah? Ia berkata: Ya. Dan (Nabi) bersabda kepada perempuan: Adakah kamu juga rela bahawa aku kahwinkan kamu dengan Fulan? Ia berkata: Ya. Maka Rasūlullāh pun mengahwinkan keduanya. Lalu berlakulah hubungan jima' antara keduanya dan dalam masa yang sama, lelaki tersebut tidak menentukan jumlah mahar dan tidak memberikan apa-apa (kepada wanita tersebut sebagai mahar) dan ia (lelaki) adalah termasuk di kalangan orang yang menyaksikan peristiwa perjanjian al-Hudāibiyah. Diriwayatkan oleh Imam Abū Dāwūd.¹³*

Berkata Ibn Qāyyim:

Didalilkan dengan hadith ini bahawasanya dibolehkan bagi seorang lelaki untuk mengend'Alikan aqad bagi dua pihak seperti menjadi wakil dari dua pihak atau wali pada keduanya atau wali perempuan menerima wakil dari lelaki (suami) atau lelaki (suami) menerima wakil dari wali perempuan. Dalam mengend'Alikan aqad yang sebegini memada dengan ia mengatakan: Aku kahwinkan Fulan dengan Fulanah atau Aku kahwin dengan Fulanah jika ia adalah merupakan suami. Ini adalah merupakan zahir dari mazhab Imam Ahmad Ibn Hanbal. Manakala pandangan kedua dalam mazhab Imam Ahmad mengatakan ini di khususkan hanya kepada wali *mujbir* sahaja.¹⁴

2.2. Hadith kedua.

Hadith yang diriwayatkan berkenaan dengan perkahwinan Nabi s.a.w. dengan Maimūnah. Telah diriwayatkan oleh Imam Ahmad Ibn Hanbal dalam kitab *Musnadnya*;

¹³ Abū Dāwūd,(t.t), *Sunan Abū Dāwūd*, jld:2, Beirut: Dār al-Fikr, h.238, no:2117, Bāb Fī Man Tājāwwaja Walam Yusammī Ṣadāqan Hatta Māta.

¹⁴ Ibn Qāyyim,(1995M-1415H), *Zād al-Ma'ād*, jld 5, Beirut: Dār al-Fikr, h.84.

عن أبي رافع مَوْلَى رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَرَوَّجَ مِيمُونَةَ حَلَالًا وَبَنِي هَا حَلَالًا وَكَنْتُ الرَّسُولُ بَيْنَهُمَا.

Ertinya: *Daripada Abī Rāfi' hamba kepada Rasūlullāh s.a.w. (berkata): Sesungguhnya Rasūlullāh s.a.w. berkahwin dengan Maimunah sewaktu halal dan bersama dengannya juga sewaktu halal dan aku adalah utusan (wakil) antara keduanya.¹⁵*

Dalam hadith ini, Abī Rāfi' menjelaskan bahawa beliau adalah merupakan wakil kepada Rasūlullāh s.a.w. bagi melangsungkan perkahwinan baginda dengan Maimūnah r.a.. Perbuatan baginda melantik Abī Rāfi' sebagai wakil membuktikan bahawa *wakālah* untuk mengendalikan aqad perkahwinan adalah diharuskan.

2.3.Hadith ketiga.

Daripada 'Uqbah ibn 'Āmir r.a., *bahawasanya* Nabi s.a.w. bersabda:

إِذَا أَنْكَحَ الْوَلِيلَيْنِ فَهُوَ لِلأُولَئِكَ مِنْهُمَا.

Ertinya: *Apabila dua orang wali mengahwinkan (seorang perempuan) maka (perempuan tersebut adalah isteri kepada) yang terdahulu daripada keduanya¹⁶.*

¹⁵ Ahmad Ibn Hanbal, (1994M-1414H), *Al-Musnad*, jld:10. Där al-Fikr, h343, no:27267, Hadith Abī Rāfi'.

¹⁶ Ibid, jld:6, h130, no: 17354, Hadith 'Uqbah Ibn 'Āmir. Al-Syāfi'i, (1990M-1410H), *al-Umm*, jld:5, Bēirût: Där al-Fikr, h17. Bab Inkāh al-W liyyain Wa al-Wakālah Fi al-Nikāh.

Dalam riwayat yang lain, baginda s.a.w. bersabda:

لَمَّا امْرَأَةٌ زَوْجُهَا وَلِيَانٌ فَهِيَ لِلأُولِيَّ مِنْهُمَا .

Ertinya: *Mana-mana perempuan yang dikahwinkan oleh dua orang wali, maka ia adalah merupakan isteri kepada yang pertama dikahwinkan.*¹⁷

Berkata *Imam al-Syāfi'i* dalam kitabnya *al-Umm*¹⁸:

Hadith ini menunjukkan bahawa *wakālah* dalam aqad perkahwinan adalah harus, ini kerana dua orang wali tidak mungkin dapat mengahwinkan seorang perempuan kecuali setelah mana mereka diwakilkan terlebih dahulu oleh perempuan tersebut.

2.4. Hadith keempat.

عَنْ أَبْنَى إِسْحَاقَ قَالَ: بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَمْرُوا بْنَ أُمَّيَّةَ الصَّمَرِيِّ
إِلَى النَّجَاشِيِّ فَزَوَّجَهُ أُمُّ حَبِيبَةَ بْنَتْ أَبِي سُفْيَانَ وَسَاقَ عَنْهُ أَرْبَعِمِائَةَ دِينَارٍ .

Ertinya: *Daripada Ibn Ishāq berkata: Telah mengutus oleh Rasūlullāh s.a.w. 'Amr Ibn Umayyah al-Damari kepada al-Najāsyī lalu ia mengahwinkannya dengan Ummu Habibah Binti Abī Sufyān dan (al-Najāsyī) mengeluarkan mahar bagi pihak baginda sebanyak empat ratus dinar*¹⁹.

¹⁷ Abu Dāwid, op.cit.h.230, no: 2088, Bāb Idhā Ankaḥa al-Walīyyān.

¹⁸ Al-Syāfi'i, op.cit

¹⁹ Ibid. Al-Bāīhaqī, (t.t), *al-Sunan al-Kubrā*, jld:7, Bērūt: Dār al-Fikr, h 139, Bāb Al-Wakālah Fi al-Nikāh. Mullā 'Alī Qārī, (1994M-1414H), *Mirqāt al-Mafātīh*, jld:6, Bērūt: Dār al-Fikr, h363-364. al-Zuhārī, op.cit. h151.

Hadith di atas membuktikan tentang keharusan *wakālah*. Ini kerana jika *wakālah* tidak dibolehkan, tentulah *al-Najāsyī* tidak akan mengahwinkan baginda s.a.w. dengan Ummu Habibah r.a.. Begitu juga jika ianya tidak diharuskan, tentulah Rasūlullāh s.a.w. tidak akan redha dengan aqad yang dilakukan oleh *al-Najāsyī*. Berbuatan *al-Najāsyī* dan kerelaan baginda dengan aqad yang telah dilakukan oleh *al-Najāsyī* membuktikan tentang keharusan *wakālah* bagi mengendalikan aqad perkahwinan.

2.5.Hadith kelima.

Rasūlullāh s.a.w. bersabda:

...وَاللَّهُ فِي عَوْنَى الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنَى أَخْيَهِ...

Ertinya: Sesungguhnya Allāh sentiasa menolong seseorang hamba selama mana hambaNya tersebut menolong saudaranya²⁰.

Hadith di atas menggalakkan kepada kita semua supaya saling tololong menolong antara satu sama lain. Bahkan sesiapa yang suka menolong mengendalikan urusan orang lain, dijamin oleh baginda s.a.w. bahawa urusannya akan ditolong oleh Allāh s.w.t. . Menjadi wakil bagi pihak tertentu untuk melangsungkan aqad perkahwinan adalah termasuk dalam ertikata menolong orang lain yang melayakkan seseorang itu ditolong oleh Allāh s.a.w.. Dengan itu, berdasarkan kepada hadith ini, *wakālah* adalah merupakan suatu yang diharuskan.

²⁰ Al-Nawāwī, (1994-1414H), *Saḥīḥ Muslim Syarḥ al-Nawāwī*, jld:17, Dār al-Khair, h.189, no:2699, Bāb Fadl al-Ijtīmā' 'Alā Tilāwah al-Qurān Wa 'Alā al-Zikr. Al-Syarbīnī, op.cit, h.217. 'Abd Al-Fattāh Abū al-'Aināy, op.cit.

2.6.Hadith keenam.

Imam al-Baihaqi meriwayatkan tentang kisah perkahwinan antara Sayyidinā ‘Umar dengan Ummi Kalthom Binti ‘Alī r.a. .Berkata Sayyidinā ‘Alī kepada Hasan dan Husin:

زَوْجًا عَنْكُمَا فَرَوْجَاهُ.

Ertinya: *Kahwinkanlah bapa saudaramu, lalu mereka berdua mengahwinkannya.*²¹

Perbuatan Sayyidinā ‘Alī r.a. mengarahkan Sayyidinā Hasan dan Husin mengahwinkan Ummi Kalthom dengan Sayyidinā Umar r.a. membuktikan bahawa mewakilkan seseorang untuk mengendalikan aqad perkahwinan adalah diharuskan. Jika ianya tidak diharuskan oleh hukum, tentulah tidak akan dilakukan oleh Sayyidinā ‘Alī, Hasan dan Husin r.a.. Bahkan secara pasti kita nyatakan bahawa ianya akan ditentang oleh Sayyidinā ‘Umar r.a..

Kesimpulan hadith.

- i) Hadith menunjukkan bahawa *wakālah* untuk melangsungkan sesuatu urusan samada untuk melangsungkan aqad perkahwinan atau lainnya adalah merupakan suatu perkara yang *masyrū’* ataupun merupakan suatu yang dibolehkan dan diharuskan oleh *syara’*.

²¹ Al-Baihaqī, op.cit..

- ii) Keharusan *wakālah* itu pula adalah umum, dengan erti samada ianya untuk melangsungkan *ijab* ataupun *qabul* ataupun untuk melaksanakan *ijab* dan *qabul* secara bersama seperti dalam hadith pertama yang diriwayatkan oleh ‘Alqamah.
- iii) Begitu juga diharuskan berwakil, samada pihak yang terlibat ada ataupun hadir dalam majlis aqad yang diadakan ataupun tidak hadir. Begitu juga samada *muwakkil* terdiri dari *walī mujbir* ataupun sebaliknya.
- iv) Tempoh *wakālah* tidak dihadkan oleh syara’ secara khusus. Ini bererti ianya terserah kepada pihak yang terbabit untuk membatasinya.

Dengan itu jelaslah bahawa *wakālah* bagi melangsungkan aqad perkahwinan adalah merupakan suatu yang harus dan dibolehkan, bahkan dalam keadaan-keadaan yang tertentu seperti wali yang tinggal berjauhan hukumnya akan bertukar kepada sunat seperti yang digambarkan oleh hadith yang kelima.

3.0 Dalil dari Ijmak.

Para ulama' terdahulu dan kini bersepakat mengatakan bahawa *wakālah* bagi mengendalikan aqad perkahwinan adalah diharuskan. Bukan sekadar itu sahaja, bahkan dalam keadaan yang tertentu, ianya merupakan sesuatu yang disunatkan kerana keperluan dan demi untuk memberi kemudahan kepada umat manusia, khususnya sewaktu ketiadaan wali ataupun wali tidak dapat menghadirkan diri dalam majlis aqad. Bahkan ianya termasuk dalam makna ayat Al-Qurān yang memerintahkan umat manusia supaya bertolong-tolongan dalam melakukan perkara kebijakan dan ketakwaan²².

²² Al-Jazā'ir, op.cit. jld3, h.149. Ibn 'Abd al-Bar , op.cit. h.229. 'Abd al-Halīm Mahmūd, (t.t) *Fatāwā al-Imām 'Abd al-Halīm Mahmūd*, jld:2, *Dār al-Ma'ārif*, h.128. al-Syarbīnī, op.cit. jld:2, h.217.

4.0. Rukun Wakālah.

Para ulamak telah membahagikan rukun *wakālah* kepada empat²³, iaitu:

Pertama: Wakil (al-Wakil) . (الوَكِيلُ)

Kedua: Pihak yang berwakil. (al-Muwakkil-) (الموَكِّلُ)

Ketiga: Perkara yang diwakilkan (al-Muwakkal fīh-) (الموَكَّلُ فِيهِ)

Keempat: Lafaz (al-Sighah-) (الصَّيْحَةُ).

4.1. Rukun pertama: Wakil.

Wakil pada bahasa arab ialah *al-hāfiẓ* (الحافظ), yang bermaksud penjaga²⁴.

Dalam *Mu'jam Lughah al-Fuqahā'*, *al-wakil* dengan difathahkan huruf *al-wau* dan dikasrahkan huruf *al-kaf* dan *jama*'nya *wukalā'*, bererti:

“ Seseorang yang diserahkan kepadanya untuk melakukan sesuatu urusan ataupun seseorang yang dilantik untuk menggantikan tempat orang lain untuk melakukan sesuatu urusan (*tasarruf*) . ”²⁵

²³ Ibid. Al-Jazāir, op.cit, h149. Ibn Ḥajar, op.cit.

²⁴ Al-Mu'jam al-Wasīṭ, op.cit. h1097. Ibn al-Manzūr, op.cit.h.261. Al-Fayyūmī,(1994M-1414H), *al-Misbāh al-Munīr*, jld:2, Bēirut: Dār al-Kutub al-'Ilmīyyah, h.670.

4.1.1. Kedudukan wakil dalam aqad perkahwinan

Kedudukan *wakil* dalam aqad perkahwinan tidak lebih dari hanya sekadar utusan dan sebagai orang yang menyampaikan hajat pihak *muwakkil* semata-mata. Dengan itu ia tidak dituntut dengan apa-apa tuntutan, samada tuntutan tersebut bersangkutan dengan aqad, seperti *mahar*. Begitu juga tidak dituntut dengan perkara-perkara yang luar dari aqad, seperti nafkah dan seumpamanya. Walaubagaimanapun, dalam keadaan yang tertentu, wakil akan dituntut dengan hak-hak yang telah disebutkan tadi jika ia menjadi penjamin. Hal ini berbeza dengan wakil dalam aqad jual beli kerana wakil dalam aqad jualbeli akan dipertanggungjawabkan dengan hak-hak yang bersangkutan dengan aqad yang dilakukan seperti penyerahan barang jualan dan seumpamanya²⁵.

4.1.2. Syarat wakil.

Untuk menjadi *wakil*, seseorang itu mestilah memiliki beberapa syarat, iaitu:

4.1.2.(a). Syarat pertama: Islam.

Islam adalah merupakan syarat yang terpenting untuk membolehkan seseorang itu menjadi *wakil*. Ini kerana *wakālah* merupakan salah satu daripada syariat agama..

²⁵ Muhammad Rawwās, et al (Dr) op.cit. h509.

²⁶ Al-'Aīnāyān Badrān, op.cit. h155. 'Abd al-Rahmān Tāj,op.cit. h122.

Oleh itu adalah tidak sah jika seseorang *wakil* bukan dari orang yang beragama Islam.

4.1.2.(b). Syarat kedua: Berakal.

Terdapat dua pandangan daripada ulama' dalam menafsirkan berakal. Menurut jumhūr, berakal ialah baligh. Manakala menurut Ḥanafī, berakal bermaksud *mumayyiz*, iaitu seseorang yang boleh membezakan di antara kebaikan dan keburukan dan tidak semestinya baligh. Dengan itu, titik pertemuan antara kedua-dua pandangan ini ialah tidak sah jika wakil adalah dari kalangan orang gila atau kanak-kanak yang belum *mumayyiz*. Ini kerana mereka tidak boleh bertindak atau *bertasharruf* (تصرف) untuk diri mereka sendiri, jadi bagaimana mereka hendak melakukan tugas ataupun bertindak untuk pihak orang lain.

Dalam hal ini, Dr Wahbah al-Zuhāiliy berkata:

“Ini kerana wakil melakukan tugas *muwakkil* untuk berkata-kata, dengan itu tak dapat tidak ianya mestilah merupakan seorang yang berakal dan *mumayyiz*, kerana berakal dan *mumayyiz* adalah merupakan syarat untuk diterimanya kata-kata”²⁷. Bahkan diriwayatkan dalam satu hadith bahawasanya Ummu Salamah r.a. telah dikahwinkan oleh anaknya yang masih kanak-kanak dengan Nabi s.a.w²⁸

²⁷ Ibn Hajar, op.cit. jld:2, h.320. Al-Zuhāliy, op.cit. jld:5, h.77.

²⁸ Ibid.

Manakala menurut jumhūr pula, kanak-kanak tidak boleh menjadi wakil walaupun ia sudah *mumayyiz*. Ini kerana ia tidak ditaklifkan atau dibebankan dengan hukum-hukum *syara'*. Menurut jumhūr, kanak-kanak tidak dibenarkan untuk *bertasarruf* untuk dirinya sendiri, jadi bagaimanakah ia akan menjadi wakil bagi pihak yang lain?²⁹

Dalam permasalahan ini, penulis cenderung dengan pandangan dari jumhūr *fuqahā'* yang berpandangan bahawa kanak-kanak yang belum *mumayyiz* tidak dibolehkan untuk melakukjan aqad perkahwinan. Ini dikiaskan kepada keterbatasan mereka untuk melakukan jual beli, sewa menyewa, hutang piutang dan sebagainya. Oleh kerana tindakan mereka adalah terbatas dalam banyak perkara, bagaimanakah mereka akan melakukan aqad perkahwinan yang mana kedudukannya adalah lebih besar dan mulia jika dibandingkan dengan *taṣarruf* yang melibatkan harta benda. Bahkan dari sudut lain, kanak-kanak yang belum *mumayyiz* tidak terjamin daripada ditipu oleh pihak pengantin. Manakala riwayat yang mengatakan bahawa Rasūlullāh s.a.w. dikahwinkan oleh anak kepada Ummu Salamah yang sudah *mumayyiz* tidak boleh dijadikan sebagai hujah. Ini kerana Rasūlullāh tidak boleh disamakan dengan manusia biasa kerana baginda merupakan seorang yang *ma'sum* dan dijamin tidak akan melakukan penipuan. Selain itu, boleh diandaikan bahawa ini termasuk di antara *khuṣuṣiyāt* baginda s.a.w. yang tidak diberikan kepada manusia biasa sepertimana dibolehkan bagi baginda memiliki lebih dari empat orang isteri.

²⁹ Ibid,h154

4.1.2.(c). Syarat ketiga.

Syarat ketiga bagi wakil ianya wakil mestilah ditentukan secara khusus. Ini bermakna tidak sah *wakālah* jika wakil tidak ditentukan secara khusus. Contohnya seperti *muwakkil* mewakilkan kepada dua orang dalam masa yang sama untuk mengahwinkannya³⁰.

4.2. Rukun kedua: *Muwakkil*.

Muwakkil (مُوكِل) dengan dikasrahkan huruf kaf (ك) bermaksud:

“Seseorang yang menyerahkan atau mewakilkan kepada orang lain untuk melaksanakan pekerjaan atau tugasnya”.

Dalam perbincangan ini, *muwakkil* mungkin datangnya daripada pihak bakal suami dan mungkin daripada pihak wali kepada bakal isteri dan mungkin juga dari pihak bakal isteri itu sendiri menurut pandangan mazhab Hanafi yang membolehkan bagi perempuan untuk melangsungkan aqad perkahwinannya dengan sendiri tanpa memerlukan kepada keizinan dari pihak wali terlebih dahulu ataupun perempuan yang tidak mempunyai wali *mujbir* menurut jumhūr *fuqahā'*.

³⁰ Ibn Hajar, op.cit. h.319

4.2.1. Syarat *Muwakkil*.

4.2.1.(a) Syarat pertama (Berakal).

Untuk membolehkan *muwakkil* berwakil kepada seseorang wakil, *muwakkil* mestilah merupakan seorang yang bebas bertindak dan berhak pada urusan yang hendak diwakilkan samada ianya dengan cara kekuasaan ataupun pemilikan.

Ini kerana, orang yang tidak mempunyai hak ke atas sesuatu, ia juga tidak berhak sama-sekali untuk mewakilkannya kepada orang lain. Dengan itu jelaslah bahawa tidak sah wakil jika *muwakkil* terdiri dari orang yang gila, kanak-kanak yang belum *mumayyiz*, *safih* atau bodoh dan yang seumpama dengannya.

Manakala menurut *jumhūr* yang terdiri daripada *Mālikīyyah*, *Syāfi’īyyah* dan *Hanābilah*, tidak sah *wakālah* jika *muwakkil* terdiri dari kanak-kanak walaupun ianya sudah *mumaiyyiz*. Ini kerana, menurut mereka kanak-kanak tidak mempunyai hak untuk bertindak ataupun *bertasarruf* samada untuk diri sendiri atau orang lain. Dengan itu adalah tidak sah *wakālah* yang dilakukan oleh mereka, bahkan ketidak harusan melakukan *wakālah* adalah adalah lebih utama kerana ianya melibatkan hak orang lain.³¹.

³¹ Ibid, h.153. al-Syarbīnī, op.cit. jld:2, h 217. Muhammad ‘Uqlah (Dr) , op.cit. h299.,

4.2.1.(b). Syarat kedua (Lelaki).

Syarat kedua kepada *muwakkil* ialah lelaki³². Ini adalah merupakan pandangan Jumhūr yang terdiri daripada fuqahā' *Mālikī*, *Syāfi'i* dan *Hanbali* yang tidak membolehkan perempuan melakukan aqad dengan sendiri. Antara dalil yang mengatakan bahawa *muwakkil* mestilah lelaki ialah firman Allāh s.w.t. dalam Sūrah *al-Baqarah*:

فَلَا تَعْصِمُوهُنَّ أَنْ يَنْكِحُنَّ أَزْوَاجَهُنَّ

Ertinya: *Maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka.* Al-Baqarah, (2): ayat 232.

Menurut ulama' tafsir, ayat ini diturunkan kepada seorang sahabat yang bernama Ma'qal bin Yasar yang enggan mengahwinkan saudara perempuannya dengan bekas suaminya. Menurut *Syāfi'iyyah*, jika perempuan boleh mengahwinkan dirinya sendiri, tentulah Allāh tidak akan menegur Ma'qal yang enggan mengahwinkan semula saudaranya dengan bekas suaminya. Bahkan pandangan ini dikuatkan lagi oleh beberapa hadith antaranya sabda Rasūlullāh s.a.w.:

أَيْمًا إِمْرَأَةٌ نَكْحَتْ بِغَيْرِ اذْنِ مَوْالِيهَا فَنكَاحُهَا بَاطِلٌ

³²Al-Dimisyqī Taqī al-Dīn, (1991M-1412H), *Kifāyah al-Akhyār*, Bērūt : Dār al-Khāir, h.355-356.

Ertinya: *Mana-mana perempuan yang mengahwinkan dirinya sendiri tanpa keizinan dari walinya, nikahnya batal*³³.

Walaupun begitu, ulama' Syāfi'i berselisih pandangan apabila seorang perempuan berada di satu negeri yang tiada wali dan hakim, adakah dibolehkan kepadanya untuk mengahwinkan dirinya sendiri ataupun berwakil kepada pihak tertentu untuk mengahwinkan dirinya kepada tiga pendapat.

Pertama: Perempuan tersebut tidak boleh berkahwin sama sekali.

Kedua: Mengahwinkan dirinya sendiri kerana darurat.

Ketiga: Hendaklah ia melantik seorang lelaki untuk mengahwinkan dirinya sendiri. Menurut Imam al-Syīrāzy hendaklah dia melantik seorang *mujtahid*. Menurut pandangan yang terkuat pula, memada dengan ia melantik seorang yang adil sekalipun bukan *mujtahid* untuk mengahwinkan dirinya kerana kesukaran untuk mendapatkan seorang yang *mujtahid*.

Menurut fuqahā' Syāfi'i, sewaktu wali meminta keizinan daripada perempuan janda untuk mengahwinkannya, ianya bukanlah merupakan *wakālah* tetapi keizinan yang biasa. Ini kerana hak untuk melakukan aqad perkahwinan adalah merupakan hak mutlak kepada wali³⁴. Dengan ertikata yang lain, perempuan tidak mempunyai kuasa untuk berwakil kerana kuasa untuk melakukan aqad adalah merupakan hak wali. Oleh itu,

³³ Abū Dāwūd, op.cit. h. 229, no: 2083, Bāb Fī al-Waly.

³⁴ Badrān Abū Al-'Ainayn, (Dr), op.cit. h 156.

aqad mestilah dilakukan oleh wali sekalipun hak untuk mengizinkan perkahwinan berada pada tangan perempuan janda.

Manakala pandangan kedua dari ulama' khususnya mazhab Imam Abū Hanīfah, perempuan boleh mewakilkan dirinya sendiri sekalipun tidak mendapat keizinan dari wali terlebih dahulu³⁵. Ini kerana, menurut mereka perempuan boleh mengahwinkan dirinya sendiri, dengan itu dibolehkan juga kepada mereka untuk mewakilkan kepada pihak tertentu. Dalam hal ini berkata Ibn Humām³⁶:

وإذا أذنت المرأة لرجل أن يزوجها من نفسه فعقد بحضور شاهدين حاز.

Ertinya: *Dan apabila seorang perempuan mengizinkan kepada seorang lelaki untuk mengahwinkan dirinya dengan dirinya (wakil) sendiri, lalu dilakukan aqad di hadapan dua orang saksimaka harus (sah aqad tersebut)*

Kenyataan di atas membuktikan bahawa menurut fuqahā' Hanafī, dibolehkan kepada perempuan untuk mewakilkan kepada seseorang lelaki untuk mengahwinkan dirinya tanpa perlu mendapatkan keizinan dari wali terlebih dahulu.

Dalam hal ini pandangan jumhūr yang tidak membolehkan perempuan melakukan *wakālah* adalah lebih kuat kerana ianya besandarkan kepada hujah yang jelas dan bersesuaian dengan realiti Malaysia yang beramal dengan mazhab Imam al-Syāfi'i.

³⁵ Ibid, h.155.

³⁶ Ibn Humām, op.cit. h 305.

Bahkan pemilihan ini dapat mengelak daripada berlakunya perselisihan faham dan pandangan di antara anggota masyarakat.

4.2.2. Kehadiran *muwakkil* ke majlis aqad perkahwinan.

Para ulama' bersepakat mengatakan bahawa *muwakkil* dibolehkan untuk menghadiri majlis aqad perkahwinan yang sedang berlangsung³⁷. Dengan erti kata yang lain, *wakālah* boleh berlaku sekalipun *muwakkil* menghadiri upacara aqad yang sedang berlangsung atau yang sedang dilakukan oleh wakil.

4.3. Rukun ketiga: *Muwakkal fīh*.

Muwakkal fīh bermaksud perkara yang diwakilkan oleh *muwakkil* kepada *wakil* untuk dilakukan. Dalam perbahasan ini, *muwakkal fīh* bermaksud melangsungkan aqad perkahwinan samada ianya *ijab* ataupun *qabul*.³⁸

³⁷ Sayyid Aḥmad Farrāj, op.cit. h 143.

³⁸ Al-Syarbīnī, op.cit. h.217. al-Zuhāyī, op.cit. jld:4, h.154.

4.4. Rukun keempat: *Sighah* ataupun lafaz.

Maksud daripada *sighah* ataupun lafaz ialah *ijab* dan *qabul*.

Dalam penggunaan yang biasa, *ijab* bermaksud:

“Lafaz yang pertama keluar daripada salah seorang daripada dua pihak yang terlibat dengan aqad yang dilakukan, samada ianya daripada pihak isteri ataupun pihak suami dan samada ianya berbentuk perkataan ataupun tulisan ataupun isyarat yang boleh difahami”³⁹.

Manakala dalam perbahasan ini, *ijab* bermaksud⁴⁰:

“Sesuatu yang keluar ataupun yang dituturkan yang menunjukkan bahawa seseorang mewakilkan kepada seseorang yang lain untuk melangsungkan aqad perkahwinan bagi pihak dirinya, samada ianya secara umum (mutlak- مطلقاً) ataupun terikat (*Muqayyad*- مقيداً).”⁴¹.

³⁹ ‘Abd al-‘Azīz Muḥammad ‘Azzām, (Dr) (1994M-1414H), *Aḥkām al-Zawāj Wa al-Talāq Fi Al-Fiqh al-Islāmi*, Mesir: Jāmia’h al-Azhar Kaherah, h.57.

⁴⁰ ‘Abd al-Karīm Zaidān (Dr), (1993M-1413H), *Al-Mufassal Fi Aḥkām al-Mar’ah Wa al-Bayt al-Muslim*, jld:6, Bērūt; Muassasah al-Risālah, h.491.

⁴¹ Perbahasan mengenai wakil secara umum dan terikat, akan penulis bincangkan secara terperinci pada perbahasan yang akan datang. Sila lihat pada fasil tiga.

Contoh *wakālah* yang umum seperti kata wali perempuan kepada seseorang:

“Aku wakilkan kamu untuk kahwinkan anak aku ini dengan sesiapa sahaja”.

Contoh lafaz *wakālah* umum daripada lelaki seperti katanya:

“ Aku wakilkan kamu untuk kahwinkan aku dengan mana-mana perempuan yang engkau sukai”.

Contoh lafaz *wakālah* umum daripada perempuan pula seperti katanya:

Aku wakilkan kepada kamu untuk kahwinkan aku dengan mana-mana lelaki
(tanpa ditentukan secara khusus lelaki yang ingin dikahwini)”.

Bahagian kedua daripada *wakālah* ialah *wakālah* secara khusus atau terikat. Contoh *wakālah* secara terikat seperti kata wali perempuan kepada seorang lelaki:

“Aku wakilkan kamu untuk kahwinkan anak aku Fatimah dengan si Fulan” .

Contoh lafaz wakil secara khusus daripada pihak lelaki seperti katanya:

“ Aku wakilkhan kepada kamu untuk menerima nikah bagi pihak diriku dengan si Fulanah”.

Contoh lafaz wakil secara terikat daripada perempuan pula seperti katanya:

“Aku wakilkhan kepada kamu untuk mengahwinkan aku dengan si Fulan (dengan disebutkan nama secara khusus) .

Qabul pada penggunaan yang biasa ialah:

“ Sesuatu yang dituturkan setelah *ijab*, samada ianya daripada pihak isteri ataupun pihak suami dan samada ianya dengan perkataan ataupun tuLisān ataupun isyarat yang boleh difahami akan makna dan tujuannya serta menunjukkan tentang kerelaan dan keredhaannya⁴² ”.

Manakala *qabul* dalam konteks *wakālah* dalam aqad perkahwinan pula ialah:

“Persetujuan daripada pihak yang diwakilkhan untuk melaksanakan tugas yang telah diamanahkan kepadanya samada ianya untuk mengahwinkan seseorang perempuan ataupun untuk menerima aqad perkahwinan bagi pihak lelaki. Contoh bagi *qabul* seperti kata wakil setelah *ijab* “saya terima ataupun saya bersetuju”.

⁴² ‘Abd al-‘Azīz Muḥammad ‘Azzām,(Dr), op.cit. h57. Sai’d Abū Jāyb, op.cit. h.294.

Sepertimana dengan *ijab*, *qabul* tidak semestinya sah hanya berlaku dengan perkataan sahaja, bahkan ianya juga sah dengan tulisan, isyarat dan apa-apa sahaja yang menunjukkan atas persetujuan dan kerelaan untuk menerima amanah. Bahkan menurut Ibn Salāh, tidak disyaratkan penerimaan *wakālah* secara lafaz, tetapi yang disyaratkan ialah tidak adanya penolakan dari wakil terhadap apa yang telah diwakilkan kepadanya⁴³.

Menurut para ulama', *ijab* dan *qabul* sewaktu berlakunya *wakālah* tidak memerlukan kepada penyaksian kerana ianya bukanlah merupakan satu juzuk atau sebahagian daripada perkahwinan. Walaubagaimanapun, penyaksian adalah merupakan suatu yang disunatkan dan digalakkan sebagai langkah berhati-hati untuk mengelak daripada berlakunya penafian dan pertikaian⁴⁴.

5.0.Kedudukan *wakālah*.

Wakālah adalah merupakan aqad yang harus daripada kedua-dua belah pihak (*jāiz min al-tarafayn*-جائزٌ من الطرفين).

⁴³ Al-Zuhāyī, op.cit.jld:5, h.72.al-Bakrī Abī Bakr Syatā, (1995M-1415H), *Hāsyiah Iā'nah al-Tālibīn*, jld:3, Bērūt: Dār al-Kutub al-'Ilmīyyah, h.150.

⁴⁴ .Ibn 'Ābidīn,op.cit. h.95. Muhammad 'Uqlah (Dr), op.cit. h.300.

Maksud kepada aqad yang harus daripada kedua-dua belah pihak ialah:

Pihak *wakil* ataupun *muwakkil* boleh menarik semula ataupun membatalkan persetujuan yang telah dibuat pada bila-bila masa sahaja walaupun tidak dipersetujui oleh pihak yang kedua dan samada ianya diketahui oleh pihak yang kedua ataupun tidak diketahui. Begitu juga persetujuan akan terbatal apabila salah satu daripada dua pihak hilang kelayakan seperti gila, meninggal dunia ataupun seumpamanya. Dengan erti kata yang lain, pihak *wakil* dan *muwakkil* adalah bebas dan mereka tidak semestinya menunaikan persetujuan yang telah dipersetujui⁴⁵.

6.0. Perbezaan antara *wakil* dan *utusan (rasul)*.

Menurut para ulama', terdapat perbezaan antara *wakil* dengan *utusan* walaupun antara keduanya terdapat persamaan dalam beberapa aspek yang tertentu.

Perbezaan tersebut ialah:

Wakil melakukan sesuatu yang telah diamanahkan kepadanya mengikut caranya sendiri dan lafaz juga daripadanya. Selain itu wakil juga tidak perlu menisbahkan aqad yang diwakilkan kepadanya kepada *muwakkil*. Sebagai contoh, ia berkata:

“Aku kahwinkan kamu dengan si Fulan dengan mahar sekian....”

⁴⁵ Ibid.h.301. Al-Jazāir, opcit, jld:3, h.181. Al-Dimysqy Taqī al-Dīn, op.cit. h 273.

Manakala utusan pula, ianya mestilah menyampaikan apa yang diamanahkan kepadanya mengikut kehendak dan dengan menggunakan lafaz seperti yang telah dituturkan oleh pihak yang mengutuskannya tanpa menisbahkan ucapan kepadanya walaupun sedikit. Sebagai contoh ia berkata:

“Saya diutuskan oleh si Fulan untuk menyampaikan kepada kamu begini..... (Dengan ia menyebut lafaz atau ucapan yang telah diucapkan oleh pihak yang mengutuskannya”⁴⁶.

7.0.Wakil secara berupah.

Wakālah adalah sah dan sempurna samada dengan berupah ataupun tidak berupah. Walaubagaimanapun di sana terdapat perbezaan hukum di antara *wakālah* yang berupah dan *wakālah* yang tidak berupah. Menurut jumhūr, apabila *wakālah* berupah, pihak wakil tidak boleh samasekali untuk melepaskan diri daripada melaksanakan tugas yang telah diwakilkan kepadanya. Ini bermakna, ia mesti melaksanakan tugas yang telah diwakilkan. Dalam hal ini kedudukan wakil samalah seperti dengan kedudukan *ajīr*.

Manakala jika tidak disebut upah secara jelas, *wakālah* akan mengambil hukum adat kebiasaan. Jika kebiasaannya berupah seperti wakil peguam dalam mengendalikan kes ataupun orang tengah sewaktu melangsungkan aqad jual beli, kadar upah akan dilihat kepada upah semasa. Seterusnya jika pada kebiasaannya tidak berupah, maka *wakālah* adalah percuma dan ianya akan dianggap sebagai satu bentuk tolong menolong kepada

⁴⁶ Ibid. jld:4, h. 161-162.

perkara kebijakan.. *Wakālah* dalam bentuk ini tidak sama dengan yang pertama kerana tidak berlaku hukum *ajir* atas wakil dan pihak wakil boleh menarik diri pada bila-bila masa dari meneruskan kerja yang telah diwakilkan kepadanya. Ini adalah menurut jumhūr ulama'.

Manakala menurut *al-Syāfi'iyyah*, wakil tetap tidak wajib meneruskan kerja yang telah diwakilkan walaupun *wakālah* berlaku secara berupah. Ini kerana bagi mereka *wakālah* adalah merupakan *aqad* yang harus dari kedua-dua pihak.⁴⁷

8.0. Perkara yang menamatkan *wakālah*.

Wakālah akan tamat dengan berlakunya salah satu daripada perkara-perkara yang disebutkan di bawah ini.

- a) Terlaksananya perkara yang telah diwakilkan oleh *muwakkil* kepada wakil.
- b) *Muwakkil* melakukan atau melaksanakan dengan sendirinya perkara yang telah ia wakilkan kepada pihak wakil.
- c) Hilangnya kelayakan wakil atau *muwakkil* untuk *taṣarruf* atau bertindak seperti mati, gila dan kurang akal atau *safīḥ*.

Dalam permasalahan ini, *Hanafiyah*, *Syāfi'iyyah* dan *Ḥanābilah*, tidak mensyaratkan bahawa wakil atau *muwakkil* mengetahui tentang ketidaklayakan pihak yang lain untuk

⁴⁷ Al-Zuhāyī, op.cit. jld:4. h.151-152.

meneruskan aqad. Ini bererti apabila berlakunya perkara yang disebutkan tadi, maka dengan sendirinya *wakālah* akan terbatal.

Manakala menurut *Mālikīyyah* pula , *wakālah* tidak akan terbatal kecuali setelah wakil mengetahui tentang kedudukan *muwakkil*.

- d) Wakil menarik diri dari terus menjadi wakil kepada *muwakkil* ataupun wakil tidak lagi berkeinginan untuk meneruskan kerja yang telah diwakilkan kepadanya.
- e) *Muwakkil* menarik semula keizinan yang telah berikan kepada wakil.

Menurut *Hanafīyyah*, syarat yang terakhir ini (e) mestilah diketahui oleh *wakil*. Manakala *Syāfi’īyyah* pula mereka tidak mensyaratkan bahawa ianya diketahui oleh wakil. Ini kerana *muwakkil* dan wakil mempunyai kuasa yang penuh terhadap aqad yang telah dilakukan dan aqad ini termasuk dalam aqad yang harus dari kedua-dua pihak.⁴⁸

⁴⁸Al-Jazāir, op.cit. h. 181-184,. Al-Zuhāyli, op.cit. jld:4, h.165. Al-Kāsānī, Alā' al-Dīn Abū Bakr b. Masū'd, (1418H-1997M), *Badā'i' al-Šanā'i' Fi Tarfīb al-Syarā'i'*, jld: 7, Bērūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.460-465. al-Dimisyqy Taqī al-Dīn, op.cit. h. 273

FASAL KETIGA.

PEMBAHAGIAN *WAKĀLAH*

Dalam perbahasan ini, penulis akan membincangkan secara terperinci berkenaan dengan jenis ataupun pembahagian *wakālah*. Secara umumnya, *wakālah* terbahagi kepada dua bahagian iaitu⁴⁹:

Pertama: *Wakālah* secara umum ataupun mutlak (المطلق).

Kedua : *Wakālah* secara terikat ataupun khusus (المقيّد).

1.0. *Wakālah* secara umum ataupun mutlak.

Walaupun ijmak daripada *fuqahā'* mengatakan bahawa sah *wakālah* yang bersifat umum, tetapi perlu juga disebutkan di sini bahawa sebahagian daripada *fuqahā'* tidak membolehkan *wakālah* secara umum. Bagi mereka setiap *wakālah* hanya sah dan sempurna apabila ianya berlaku dalam bentuk *muqayyad* ataupun terikat.. Walaubagaimanapun pandangan ini adalah tidak benar dan tertolak kerana ianya bertentangan dengan ijmak.

Diriwayatkan bahawa seorang lelaki telah mewakilkan kepada Saiyyidinā Umar r.a. supaya mengahwinkan anak perempuannya dengan sesiapa sahaja yang dianggap

⁴⁹ Ibid, Ibn 'Abd al-Bar, op.cit. Badrān Abū Al-'Ainayn, op.cit. h.156. Abū Zuhrah, op.cit. h.132. al-Māwardī (1994M-1414H), *al-Hāwī al-Kabīr*, jld:9, Bēirūt: Dār al-Kutub al-Islāmīyah, h114-115.

kufū' oleh beliau. Lalu Saiyyidinā Umar r.a. mengahwinkan perempuan tersebut dengan Sayyidinā Usmān r.a. . Peristiwa ini telah diketahui oleh para sahabat r.a. dan tidak ada seorang pun dari kalangan mereka yang membantah atau tidak bersetuju dengan perkara tersebut. Maka ini dianggap sebagai daripada perkara yang disepakati dan dianggap sebagai ijmak daripada mereka⁵⁰.

Maksud daripada *wakālah* secara umum ataupun mutlak ialah:

“*Wakālah* yang tidak terikat dengan apa-apa syarat dari pihak *muwakkil* atau pihak yang mewakilkan, samada ianya bersangkutan dengan pasangan yang akan dikahwini (*kufū'*) ataupun sesuatu yang bersangkutan dengan sifat yang khusus seperti mahar (*mahar mithil*)”⁵¹.

Dengan erti kata yang lain, *wakālah* secara umum adalah merupakan suatu bentuk penyerahan tugas yang bebas dari sebarang ikatan ataupun syarat daripada pihak yang mewakilkan ataupun *muwakkil* samada ianya bersangkutan dengan *kafā'ah* atau kesesuaian pasangan yang akan dikahwini ataupun bersangkutan dengan mahar.

Contohnya seperti kata *muwakkil*:

Aku wakilkan kamu untuk kahwinkan aku.

⁵⁰ 'Abd Al-Karīm Zaidān, op.cit. h.491-492.

⁵¹Sayyid Aḥmad al-Farrāj, op.cit. h 143. Badrān Abū Al-'Ainayn. op.cit. 'Abd Al-Kārim Zaidān, op.cit. h.491.

Para ulama' bersepakat mengatakan bahawa sah dan sempurna aqad yang dilakukan oleh wakil jika sekiranya terlaksana makna dan tujuan yang terpendam dalam hati *muwakkil*, iaitu dengan dikahwinkan *muwakkil* dengan pasangan yang *kufu'* dan dengan *mahar mithil*⁵².

Begitu juga, ulama' bersepakat mengatakan bahawa sah aqad yang dilakukan oleh wakil jika aqad tersebut menguntungkan pihak *muwakkil*, seperti dikahwinkan *muwakkil* dengan mahar yang rendah ataupun kurang daripada mahar *mithil* jika *muwakkil* adalah lelaki. Begitu juga sah aqad yang dilangsungkan jika dikahwinkan *muwakkil* dengan mahar yang lebih tinggi ataupun lebih dari *mahar mithil* jika *muwakkil* adalah perempuan. Contohnya seperti:

- i) 'Alī mewakilkannya kepada Ahmad supaya mengahwinkannya, lalu Ahmad mengahwinkannya dengan mahar RM500 sahaja. Sedangkan mahar *mithil* pada ketika tersebut ialah RM1000.

- ii) Umar mewakilkannya kepada Osman supaya mengahwinkan anaknya Habsah dengan tidak disebutkan jumlah mahar. Lalu Osman mengahwinkan Habsah dengan mahar RM2000. Sedangkan mahar *mithil* pada ketika tersebut ialah RM1000 sahaja.

Namun begitu, mereka berselisih pandangan jika sekiranya hasrat yang terpendam dalam hati *muwakkil* tidak terlaksana iaitu dengan dikahwinkan *muwakkil* dengan

⁵² Ibn 'Abd Al-Bar, op.cit. h. 229-230.

pasangan yang tidak *kufu'* ataupun bukan dengan *mahar mithil* atau dikahwinkan *muwakkil* dengan mahar yang tinggi jika *muwakkil* adalah lelaki ataupun dengan mahar yang rendah jika *muwakkil* adalah perempuan. Contohnya seperti:

- i) 'Alī mewakilkan kepada Hasan supaya mengahwinkannya tanpa disebutkan jumlah mahar, lalu Hasan mengahwinkan 'Alī dengan mahar RM2000. Sedangkan mahar semasa hanyalah RM1000 sahaja.
- ii) Isa mewakilkan kepada Sulaiman supaya mengahwinkan anaknya Jamilah lalu Sulaiman mengahwinkan Jamilah dengan mahar hanya RM1000 sedangkan mahar mithil pada ketika itu ialah RM3000.

Untuk mendalami lagi perbincangan mengenai perbahasan ini, penulis akan mengupas dan memperincikan perbincangan mengenainya dengan menyebut pandangan-pandangan ulama' dan mazhab-mazhab *fiqh* yang ada serta *khilāf* dan hujjah atau dalil yang disandari oleh setiap pandangan dan mazhab. Di samping itu, beberapa contoh permasalahan akan disebut untuk melengkapkan lagi perbahasan.

1.1. Pandangan Imam Abū Ḥanīfah.

Menurut Imam Abū Ḥanīfah, apabila berlakunya *wakālah* secara umum, aqad yang dilaksanakan oleh wakil dikira sah dan sempurna samada tercapai ataupun tidak tercapai hasrat yang terpendam dalam hati *muwakkil*⁵³.

Ini adalah berdasarkan kepada satu *qaedah* iaitu:⁵⁴

الْمُطْلَقُ يَحْرِي عَلَى إِطْلَاقِهِ.

Ertinya: Sesuatu yang umum, berlaku (hukumnya) mengikut keumumannya.

Menurut Imam Abū Ḥanīfah, kaedah ini jelas menunjukkan bahawa sesuatu yang umum hendaklah dihukum mengikut umumnya tanpa dikaitkan dengan sebarang syarat. Begitu juga dalam masalah wakil aqad nikah yang bersifat umum, ianya tidak boleh dikaitkan dengan sebarang syarat ataupun sifat kerana lafadz *wakālah* yang keluar dari *muwakkil* adalah umum dan sama sekali tidak boleh dikaitkan dengan sebarang syarat ataupun sifat.

⁵³ 'Abd al-Rahmān Tāj, op.cit., h 119. Ibn 'Ābidīn, op.cit. Al-Zuhāyī, op.cit. jld:7, h223.

⁵⁴ Al-Zarqā' Ahmad, (1414H-1993M), *Syarh al-Qawāid al-Fiqhiyyah*, Damsyik; Dār al-Qalam, h 323. Cetakan ketiga.

Contoh bagi permasalahan ini seperti:

- i) Seorang lelaki mewakilkan kepada temannya untuk mengahwinkan dirinya dengan tidak ditentukan perempuan yang akan dikahwini secara khusus.

Maka dalam permasalahan ini dibolehkan kepada *wakil* untuk mengahwinkan *muwakkil* dengan mana-mana perempuan samada perempuan tersebut hitam ataupun putih, merdeka ataupun hamba, dara ataupun janda dan dengan *mahar mithil* ataupun sebaliknya. Bahkan, menurut pandangan ini dibolehkan juga bagi *wakil* bahawa ia mengahwinkan *muwakkil* dengan perempuan yang cacat seperti buta, tempang, pekak, bisu dan sebagainya. Berkata Imam Abū Zuhrah dalam hal ini :

ومقتضى الإطلاق أن يزوجه من ينطبق عليها إسم المرأة.

Ertinya: *Dan kehendak daripada umum (ialah) bahawa ianya dikahwinkan dengan seseorang yang dikatakan sebagai perempuan*⁵⁵.

- ii) Seorang perempuan mewakilkan kepada seorang wakil untuk mengahwinkannya dengan mana-mana lelaki secara umum tanpa ditentukan sifat yang khusus dan tidak ditentukan juga nilai atau jumlah mahar secara pasti.

Maka dalam permasalahan ini dibolehkan bagi wakil untuk mengahwinkan perempuan tersebut dengan mana-mana lelaki samada lelaki tersebut hitam ataupun putih, sempurna

⁵⁵ Abū Zuhrah, (t.t), *Muḥāḍarāt Fī 'Aqd al-Zawāj Wa Ḥathārih*, Dār al-Fikr al-'Arabī, h181.

anggota ataupun tidak. Dengan erti, dibolehkan bagi wakil untuk mengahwinkan perempuan tersebut dengan mana-mana lelaki samada lelaki tersebut *kufū'* atau sepadan dengannya ataupun tidak. Seterusnya dibolehkan juga bagi wakil untuk mengahwinkan *muwakkil* dengan mahar mithil ataupun sebaliknya.

Dari contoh yang diberikan di atas, jelaslah bahawa menurut Imam Abū Ḥanīfah aqad perkahwinan yang dilakukan oleh wakil yang diwakilkan secara umum ataupun mutlak dikira sah dan sempurna samada ianya dapat memenuhi kehendak batin *muwakkil* yang tersembunyi ataupun tidak. Ini kerana beliau berpegang kepada keumuman lafaz *wakālah* dari *muwakkil* yang tidak dikaitkan dan tidak diikatkan dengan sebarang syarat. Dengan itu, menurut beliau hukumnya adalah umum dan tidak boleh dikhususkan dengan apa-apa syarat sekalipun.

Walau bagaimanapun, menurut beliau jika wakil mengahwinkan *muwakkil* dengan pasangan yang *muttaham*⁵⁶ seperti dikahwinkan *muwakkil* dengan anaknya sendiri atau perempuan yang berada di bawah penjagaannya, aqad yang dilakukan adalah *mauqūf* atau terhenti kesahihannya dengan mendapat keizinan terlebih dahulu daripada *muwakkil*.⁵⁷ Ini bermakna jika *muwakkil* memberikan keizinannya ke atas aqad yang telah dilakukan oleh wakil, maka perkahwinan tersebut dikira sah dan sempurna. Tetapi jika wakil tidak memberikan persetujuannya ke atas aqad yang telah dilakukan, maka aqad tersebut dikira terbatal dan tidak sah.

⁵⁶ Dicurigai.

⁵⁷ Ibn ‘Ābidīn, op.cit.h 95 Muhammad Rushdī, (1983M-1403H), *Aḥkām al-Zawāj Fi al-Islām*, Qaherah: Dār al-Tadāmun Liṭṭibā’h, h.124. ‘Abd Al-Karīm Zaidān, op.cit. h.492.

Seterusnya, Imam Abū Ḥanīfah berpendapat jika *muwakkil* adalah perempuan dan ia dikahwinkan dengan mahar yang rendah ataupun kurang dari *mahar mithil*, maka dibolehkan bagi walinya untuk membatalkan perkahwinan tersebut demi untuk menjaga kepentingan dan *maslahat* perempuan yang berada di bawah tanggungannya⁵⁸.

1.2. Pandangan Imam Abū Yūsuf, Imam Muḥammad Ibn Ḥasan dan pandangan terkuat dalam mazhab Imam *al-Syāfi’ī*.

Menurut pandangan Imam Abū Yūsuf dan Imam Muḥammad Ibn Ḥasan dan pandangan terkuat dalam mazhab Syafī'i dalam melaksanakan atau menerima pakai hukum bagi lafadz *wakālah* yang bersifat umum atau mutlak, ianya mestilah dikaitkan dengan adat kebiasaan dan suasana masyarakat setempat ataupun *al-urf* (الْعَرْفُ) sekeliling⁵⁹.

Imam al-Nawāwī dalam *Minhājnya* menyebut⁶⁰:

فلو أطلقت فنقض عن مهر مثل بطل وف فول يصح بعهر مثل.

Ertinya: *Kalau secara mutlak (maka) berlaku aqad atas mahar yang kurang dari mahar mithil, batal (aqad) dan pada pandangan kedua (ianya) sah tetapi akan kembali (bertukar) kepada mahar mithil.*

⁵⁸ Ibn ‘Ābidīn, op.cit.

⁵⁹ Sulaimān al-Jamāl, op.cit.h.158. al-Syarbīnī, op.cit.jld:3, h.228. Muḥammad Muṣṭafā (Dr), op.cit.h59,

⁶⁰ Abd al-Rahmān Tāj, op.cit.,h.119-120.

⁶⁰ Al-Nawāwī, op.cit. h.91.

Ini bermakna, pihak wakil tidak dibolehkan sama sekali untuk mengahwinkan *muwakkil* dengan begitu bebas tanpa terikat dengan sebarang ikatan dan syarat. Dengan ertikata yang lain, wakil tidak boleh mengahwinkan *muwakkil* dengan sebarang orang atau dengan sesiapa sahaja yang ia suka dan begitu juga ia tidak boleh mengahwinkan *muwakkil* dengan apa-apa mahar atau jumlah mahar yang ia suka. Bahkan tindak-tanduk ataupun *taṣarruf* wakil adalah terikat dengan adat kebiasaan dan keadaan semasa masyarakat ataupun *urf* setempat⁶¹.

Dalam hal ini, menurut Imam Abū Yūsuf dan Muḥammad bin Ḥasan dua aspek penting perlu diambil kira oleh wakil dalam melaksanakan tugas yang dipikul olehnya⁶², iaitu:

Pertama: Kesepadanan ataupun *kufu'* (*al-Kafā'ah* - الْكَفَأُ)

Kedua : Mahar *mithil* (مِثْلٌ)

⁶¹ Mustafā al-Khin (Dr) et all,(1996M-1416H), *al-Fiqh al-Manhaji*, jld:2, Damsyik: Dār al-Qalam, h.65-66. Ibn ‘Ābidīn, op.cit.

⁶² Ibid. Abū Zuhrah,op.cit. h180-181.

1.2.1. Kufu'.

Kufu' bermaksud sebanding ataupun sama taraf⁶³.

Dalam perkahwinan, *kufu'* bermaksud: Samanya kedudukan antara suami dengan isteri ataupun lebih tinggi daripadanya dalam beberapa aspek tertentu, iaitu⁶⁴:

- i) Merdeka / Bebas dari perhambaan.
- ii) Selamat daripada sebarang kecacatan yang boleh membawa kepada *khiar*⁶⁵.
- iii) Keturunan.
- iv) Pekerjaan.
- v) Akhlak dan tingkangkah laku.
- vi) Kemampuan untuk mengeluarkan mahar dan nafkah.

Menurut Imam Abū Yūsuf dan Imam Muḥammad bin Ḥasan, setiap *wakālah* yang bersifat umum, ianya ditanggung atas *kufu'* demi untuk menjaga kepentingan dan *maslahah muwakkil*. Walaubagaimanapun, hal ini berbeza dengan wali, menurut mereka wali boleh mengahwinkan perempuan yang berada dibawah kekuasaannya dengan pasangan yang tidak *kufu'*. Ini kerana pada adat kebiasaannya penilaian dan pandangan wali adalah lebih luas dan mendalam daripada penilaian dan pandangan wakil. Selain itu,

⁶³ *Al-Mu'jam al-Wasīt*, op.cit. h.822.

⁶⁴ Ibid. Muhammad Rawwās (Dr), op.cit. h.382. Al-Nawāwī, op.cit. h.423-426.

⁶⁵ Membuat pilihan. Sila lihat; Muhammad Rawwās(Dr),op.cit, h.201.

bagi mereka, *kufu'* adalah merupakan hak wali dan perempuan. Apabila mereka sanggup menggugurkannya, maka aqad yang dilakukan adalah sah dan sempurna⁶⁶..

Mereka berpendapat, antara tujuan *muwakkil* mewakilkan kepada wakil untuk mengahwinkannya adalah kerana keinginannya untuk berkahwin dengan pasangan yang *kufu'*. Ini kerana jika wakil boleh bertindak dengan begitu bebas sehingga boleh mengahwinkan *muwakkil* dengan pasangan yang tidak *kufu'*, tentulah ianya juga boleh dilakukan oleh *muwakkil* dengan sendirinya tanpa berhajat dan perlu kepada bantuan dan pertolongan dari sesiapa pun.

Ini kerana, berkahwin dengan sesiapa sahaja tanpa melihat kepada kesesuaian dan kesepadan ataupun *kufu'* adalah merupakan suatu pekerjaan yang amat mudah dan amat senang untuk dilakukan oleh sesiapa sahaja dan sama sekali tidak perlu kepada bantuan dan pertolongan dari sesiapa pun⁶⁷.

1.2.2. Mahar mithil.

Selain daripada *kufu'*, *Syāfi’ Īyyah*, Imam Abū Yūsuf dan Imam Muhammad bin Hasan juga mansyaratkan bagi *wakālah* yang bersifat umum atau mutlak bahawa ianya mestilah berlaku dengan *mahar mithil*.⁶⁸

⁶⁶ Sulaimān al-Jamāl, op.cit.h.158. Ibn ‘Ābidīn, op.cit. Al-Syarbīnī, op.cit. h158.

⁶⁷ Ibid. Muḥammad Rushdī, op.cit.h. 125.

⁶⁸ Ibid. ‘Abd Al-Fattāh, op.cit.h.208.

Ini bererti, *wakil* tidak boleh sama sekali mengahwinkan *muwakkil* dengan apa-apa mahar yang ia suka tanpa melihat kepada kepentingan dan kemaslahatan *muwakkil* terlebih dahulu.

1.2.2.(a). **Takrif mahar *mithil*.**

Menurut *Hanafiyah*, mahar *mithil* ialah⁶⁹:

“Mahar perempuan lain yang sama kedudukan dengan perempuan yang akan berkahwin yang terdiri dari keluarga sebelah bapanya sewaktu berlakunya aqad dari segi usia, kecantikan, harta, kemungkinan untuk melahirkan anak atau tidak (mandul), akal fikiran, agama, perawan atau tidak, tingkah laku dan akhlak”.

Menurut *Hanafiyah*, kedudukan suami yang akan dikahwini juga perlu diambil kira. Ini bererti bahawa kedudukannya adalah sama dengan suami-suami perempuan yang sama kedudukan dengannya dari segi harta, keturunan dan sifat-sifat yang disebutkan di atas tadi.

Menurut *Syāfi'iyyah* pula, *mahar mithil* ialah:

“Suatu kadar (jumlah) yang diinginkan oleh perempuan-perempuan yang terdiri dari kaum kerabatnya yang sama kedudukan dengannya.”⁷⁰.

⁶⁹ *Sai'd Abū Jāyb*, op.cit, h.341.

⁷⁰ *Taqī al-Dīn al-Dimisyqy*, op.cit, h.369.

Mereka ini ialah mereka-mereka yang dinisbahkan kepada bapanya yang terdiri dari saudara perempuannya, anak perempuan kepada saudaranya, ibu saudara sebelah bapanya (*'ammah*), anak perempuan kepada *'ammahnya* (sepupu) dan tidak termasuk ibu, nenek dan ibu saudara sebelah ibu (*khālah*).

Dari takrif yang diberikan oleh ulama' Hanafī dan Syāfi'i di atas, dapat disimpulkan bahawa mahar *mithil* bermaksud:

"Sesuatu yang diberikan kepada perempuan untuk dijadikan sebagai isi kahwin yang mana pemberian tersebut sama jumlah dan nilainya dengan isi kahwin yang diberikan kepada perempuan-perempuan dari keluarga sebelah bapanya yang setaraf dan sama kedudukan dengannya samada dari segi rupa paras, pendidikan, pagangan agama, harta dan lainnya".

Perbincangan mengenai *mahar mithil* akan difokuskan kepada dua bahagian penting, iaitu:

Pertama: Mahar kurang dari mahar mithil.

Kedua: Mahar lebih dari mahar mithil.

1.2.2.(a).(a). Mahar kurang dari mahar mithil.

Menurut Imam Abū Yūsuf dan Imam Muḥammad bin Ḥasan dan pandangan terkuat dalam mazhab Imam Syāfi’ī, jika wakil mengahwinkan *muwakkil* yang perempuan dengan mahar kurang dari mahar mithil, ianya adalah tidak sah kerana adanya unsur penganiayaan dan penipuan. Dengan erti kata yang lain, aqad perkahwinan adalah terbatal kerana ianya merugikan pihak *muwakkil* kerana pihak *muwakkil* tidak mendapat mahar yang sepatutnya.

Keadaan ini berbeza menurut mereka jika *muwakkil* adalah lelaki. Dengan erti, aqad perkahwinan yang dilakukan oleh wakil adalah sah dan sempurna jika aqad berlaku dengan mahar yang kurang dari mahar *mithil* jika *muwakkil* adalah lelaki. Ini kerana ternafinya unsur penindasan dan penipuan dalam aqad perkahwinan tersebut, bahkan ianya telah memberi keuntungan dan faedah kepada pihak *muwakkil*. Dengan itu, aqad yang dilakukan oleh *wakil* adalah sah dan sempurna jika *muwakkil* adalah lelaki⁷¹.

Manakala pandangan kedua dalam mazhab Imam al-Syāfi’īy pula mengatakan bahawa aqad yang dilakukan oleh wakil adalah sah walaupun wakil mengahwinkan *muwakkil* dengan mahar yang kurang dari mahar *mithil*⁷². Walaupun begitu, mereka mengatakan jumlah mahar dengan sendirinya akan bertukar kepada mahar *mithil*. Hal ini jelas seperti yang dinyatakan oleh Imam *al-Nawāwī* dalam *Minhājnya*:⁷³

⁷¹ Ibn ‘Abidīn, op.cit. al-Zuhāyī, op.cit.jld:7, h.223. Badrān Abū Al-‘Ainayn, op.cit. h156.

⁷² Al-Syarbīnī, op.cit, h.228.

⁷³ Al-Nawāwī, *Minhāj al-Tālibīn*, op.cit. h.91.

لو قالت لوليهها زوجي بالف فنفص عنه بطل النكاح ... وفي قول يصح عهير مثل

Ertinya: *Dan jika seorang perempuan mengatakan kepada walinya: Kahwinkan aku dengan mahar seribu, lalu ia dikahwinkan dengan mahar yang kurang dari itu, batal nikahnya... Dan pada satu pandangan sah nikahnya dengan (bertukar) kepada mahar mithil.*

Dari pernyataan di atas, jelaslah bahawa menurut pandangan kedua dalam mazhab Imam *al-Syāfi’ī* aqad nikah yang dilakukan adalah sah walaupun ianya tidak berlaku dengan mahar yang ditetapkan oleh perempuan itu, tetapi mahar dengan sendirinya akan bertukar kepada mahar *mithil*.

Bahkan pandangan ini telah disokong oleh Imam *al-Nawāwī* dengan katanya:

(قلت) الأَظْهَرُ صِحَّةُ النِّكَاحِ فِي الصُّورَتِينِ عَهْرُ الْمُثْلِ. وَاللَّهُ أَعْلَمُ

Ertinya: *Aku berkata: Yang azharnya sah nikah pada kedua-dua keadaan di atas dengan bertukarnya mahar kepada mahar mithil*⁷⁴

1.2.2.(a).(b). **Mahar lebih dari mahar *mithil*.**

Menurut Imam Abū Yūsuf dan Imam Muhammad bin Ḥasan, jika *wakil* mengahwinkan *muwakkil* yang perempuan dengan mahar yang lebih dari *mahar mithil*, ianya adalah sah dan sempurna. Ini kerana aqad tersebut tidak memberi apa-apa mudarat dan kerugian kepada pihak *muwakkil*, bahkan ianya menguntungkan kepada pihaknya.

⁷⁴ Ibid.

Selain dari itu, segala unsur penipuan dan penganiayaan dalam aqad ternafi sama sekali. Dengan itu, menurut mereka berdua aqad yang dilakukan oleh wakil adalah sah walaupun mahar yang ditentukan dalam aqad adalah lebih dari mahar *mithil* atau dari yang sepatutnya⁷⁵.

Namun begitu, jika *muwakkil* adalah pengantin lelaki, aqad yang dilakukan oleh wakil adalah tidak sah jika mahar adalah lebih dari mahar *mithil*. Ini kerana adanya unsur penipuan, penindasan, kerugian dan ketidakrelaan dari pihak *muwakkil*. Dengan erti kata yang lain, aqad yang dilakukan oleh wakil adalah tidak sah kerana pada adat kebiasaannya *muwakkil* hanya bersetuju jika dirinya dikahwinkan dengan mahar *mithil*, bahkan *muwakkil* sama sekali tidak akan bersetuju jika dirinya dikahwinkan dengan mahar yang lebih dari mahar *mithil* kerana ianya membebankan dan merugikan pihaknya⁷⁶.

Oleh itu, jelaslah bahawa menurut *Syāfi'iyyah*, Imam Abū Yūsuf dan Imam Muhammad bin Hasan, *kufu'* dan mahar *mithil* adalah merupakan syarat untuk mensabitkan wakil yang bersifat umum atau mutlak. Dengan erti, wakil mestilah mengahwinkan *muwakkil* dengan pasangan yang *kufu'* dan dengan mahar *mithil* dan wakil tidak dibolehkan sama sekali bertindak sesuka hati atau dengan sewenang-wenangnya untuk mengahwinkan *muwakkil* tanpa melihat terlebih dahulu kepada *maslahah* dan kepentingan *muwakkil* walaupun lafaz *wakālah* tidak diikatkan dengan syarat-syarat yang tertentu.

⁷⁵ Abū Zuhrah, op.cit..h180.

⁷⁶ Ibn 'Ābidīn, h95.

Manakala menurut Imam Abū Hanīfah pula, wakil boleh mengahwinkan *muwakkil* dengan sesiapa sahaja tanpa terikat dengan sebarang syarat.

1.3. Pandangan Mālikiyah dan Hanābilah.

Manakala *fugahā' Mālikiyah* dan *Hanābilah* pula, mereka juga mensyaratkan *kufu'* dan *mahar mithil* sepetimana dengan pandangan *Syāfi'iyyah*, Imam Abū Yūsuf dan Imam Muḥamad bin Hasan dalam melaksanakan aqad nikah secara mutlak atau umum.

Namun begitu, menurut mereka jika wakil mengahwinkan *muwakkil* dengan pasangan yang tidak *kufu'* ataupun bukan dengan mahar *mithil*, aqad yang dilakukan adalah *mauqūf* ataupun terhenti di atas keizinan daripada pihak *muwakkil* untuk mensahkannya ataupun tidak. Ini bererti jika sekiranya *muwakkil* reda dan rela ataupun memberi persetujuannya ke atas aqad yang dilakukan oleh wakil, maka perkahwinan tersebut adalah sah dan sempurna. Tetapi jika sekiranya *muwakkil* tidak meredai ataupun tidak besetuju dengan aqad yang dilakukan , maka aqad tersebut dikira terbatal dan tidak sah⁷⁷ .

Imam *al-Dardīr* yang merupakan salah seorang daripada ulama' *Mālikī* yang terkenal menyebut dalam kitabnya *Syarh al-Saghīr*⁷⁸ bahawa wakil mestilah atau wajib memaklumkan kepada *muwakkil* terlebih dahulu sebelum berlakunya aqad. Kewajipan

⁷⁷ Sayyid Ahmad Farrāj, op.cit., h143.

⁷⁸ Dārdīr, Abī al-Barākāt Ahmad b. Muḥammad b. Alīmad al-, (t.t.), *Al-Syarh al-Saghīr 'Alā Aqrab al-Masālik Ilā Mazhab al-Imām al-Mālik*, jld: 3. Mesir: 'Isā al-Bābī al-Halabī. h 136-137.

memaklumkan ini jika *muwakkil* adalah perempuan. Ini kerana citarasa dan keinginan seseorang adalah berbeza antara satu sama lain.

Dengan lain perkataan, walaupun menurut pandangan wakil pasangan yang dipilih olehnya adalah *kufu'* dengan *muwakkil*, tetapi ianya tidak semestinya begitu menurut pandangan *muwakkil*. Namun jika sekiranya wakil mengahwinkan *muwakkil* tanpa dimaklumkan terlebih dahulu, *muwakkil* diberi hak untuk membuat pilihan samada bersetuju ataupun tidak.

Namun jika *muwakkil* adalah lelaki, ia tidak mempunyai ruang untuk menolak atau tidak menerima aqad yang telah dilakukan oleh wakil.

Setelah melihat kepada ketiga-tiga pandangan yang disebutkan sebelum daripada ini, menurut penulis pandangan ketiga yang mensyaratkan *kufu'* dan mahar *mithil* bagi *wakalah* yang bersifat umum adalah lebih *rajih* dan kuat. Walau bagaimanapun, jika aqad berlaku dengan tidak memenuhi kedua-dua syarat ini, kedudukannya adalah merupakan aqad yang *mauquf* atau terhenti kesahihannya dengan keizinan dari pihak berkenaan. Ini bermakna jika *muwakkil* memberikan keizinannya terhadap aqad yang dilakukan, ianya dikira sah dan sempurna. Namun jika *muwakkil* tidak merelai dengan aqad yang dilakukan oleh wakil, ianya dianggap tidak sah.

Ini kerana *muwakkil* adalah bebas untuk menentukan pendapatnya sendiri dan keizinan daripadanya adalah merupakan pemutus dan penentu kepada hukum. Dengan itu

2.0. Wakil secara terikat ataupun *muqayyad*.

Wakil *muqayyad* bermaksud:

“Wakil yang terikat dengan syarat-syarat seperti yang bersangkutan dengan isteri, iaitu *muwakkil* menentukan perempuan (yang akan dikahwini) secara khusus , daripada keluarga yang tertentu ataupun syarat yang bersangkutan dengan penentuan mahar. Maka wakil tidak boleh melampauinya”⁷⁹.

Ini bermakna *muwakkil* hanya mengizinkan dirinya dikahwinkan oleh wakil dengan memenuhi beberapa syarat yang tertentu. Dengan erti kata yang lain, wakil mestilah mengahwinkan *muwakkil* dengan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan atau yang telah ditentukan oleh *muwakkil* dan wakil sama sekali tidak dibolehkan untuk menyalahi syarat-syarat tersebut.

Syarat-syarat ini pula terbahagi kepada dua bahagi, iaitu:

Pertama: Bersangkutan dengan pihak yang akan dikahwini.

Kedua: Bersangkutan dengan mahar.

⁷⁹ Ahmad Farrāj, op.cit. h.143.

2.1. Syarat pertama: Bersangkutan dengan pihak yang akan dikahwini.

Maksud dari syarat ini ialah:

“*Muwakkil* menentukan kepada *wakil* orang yang akan ia kahwini secara khusus ataupun dengan disebut ciri-ciri yang tertentu seperti bentuk rupa paras, keturunan, kawasan ataupun tempat tinggal, taraf pendidikan dan sebagainya”.

Contohnya seperti:

- i) ‘Alī mewakilkan kepada Yūsuf untuk mengahwinkannya dengan seorang perempuan yang berkulit putih dan tinggal di negeri Kedah Darul Aman.
- ii) Fatimah mewakilkan kepada Muhammad supaya mengahwinkannya dengan seorang lelaki yang mendapat pendidikan di Universiti Malaya dan berkerja sebagai guru.
- iii) Musa mewakilkan kepada Dāwūd untuk mengahwinkan anak perempuannya Fatimah dengan seorang lelaki yang berketurunan Cina muslim.
- iv) ‘Abdullah mewakilkan kepada Isa untuk mengahwinkannya dengan Fatimah bte Ilyas.

Dari contoh-contoh yang diberikan di atas, didapati bahawa *muwakkil* telah pun mensyaratkan dan mengikat keizinan yang telah ia berikan kepada pihak wakil dengan beberapa syarat dan sifat yang tertentu yang bersangkutan dengan pihak yang akan dikahwini. Oleh itu, *wakil* mestilah memenuhi syarat-syarat dan sifat-sifat yang telah ditetapkan oleh *muwakkil* dan wakil tidak boleh sama sekali untuk menyalahi kehendak *muwakkil* kerana tugas wakil adalah merupakan kesinambungan dari *muwakkil*.

2.2. Syarat kedua: Bersangkutan dengan mahar.

Maksud dari syarat ini ialah :

“Pihak *muwakkil* mewakilkan kepada wakil untuk mengahwinkannya dengan seseorang dengan ditentukan jumlah mahar secara khusus”.

Contohnya seperti:

- i) ‘Ali mewakilkan kepada Ahmad untuk mengahwinkannya dengan Fatimah dengan mahar RM999.
- ii) Ahmad mewakilkan kepada Zaid untuk mengahwinkan anaknya Rokiah dengan mahar RM888 dan sebentuk cincin emas.

Dari dua contoh yang diberikan di atas, pihak wakil mestilah memenuhi syarat yang telah ditentukan ditetapkan oleh *muwakkil*, iaitu dengan dikahwinkan *muwakkil* dengan jumlah mahar yang telah ia tetapkan secara jelas dan pasti.

2.3. Wakil menyalahi kehendak *muwakkil* (عَالِفَةُ الْوَكِيلِ لِلْمُوْكَلِ).

Seperti yang disebutkan sebelum daripada ini, wakil berkewajipan untuk mengikuti kehendak *muwakkil* dan ia tidak boleh sama sekali menyalahi dengan kehendak-kehendak daripada *muwakkil*, tetapi bagaimana pula jika dalam hal yang tertentu wakil bertindak dengan menyalahi kehendak dan keinginan daripada *muwakkil*. Dengan erti kata yang lain, wakil tidak mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh *muwakkil* samada syarat tersebut bersangkutan dengan pasangan yang dikahwini ataupun bersangkutan dengan mahar.

Secara umumnya, apabila wakil menyalahi kehendak daripada *muwakkil*, ianya tidak terlepas daripada dua keadaan penting, iaitu⁸⁰:

Pertama: Kepada yang lebih menguntungkan *muwakkil*.

Kedua: Kepada yang lebih merugikan *muwakkil*.

⁸⁰ Ibid.

2.3.1.(b). Kedua: Bersangkutan dengan mahar.

Wakil mengahwinkan *muwakkil* dengan mahar yang menguntungkan pihak *muwakkil*, contohnya seperti:

- i) Adam mewakilkan kepada Salleh supaya mengahwinkannya dengan mahar RM6236, tetapi Salleh telah mengahwinkan Adam dengan mahar hanya RM3000 sahaja.
- ii) Fathi mewakilkan kepada Yūsuf supaya mengahwinkan anaknya Fatimah dengan mahar RM3700, tetapi Yūsuf telah mengahwinkan Fatimah dengan mahar RM5000 dan sebentuk cincin emas.

Dari contoh-contoh yang diberikan di atas, jelas kepada kita bahawa *wakil* telahpun menyalahi kehendak *muwakkil* samada bersangkutan dengan pasangan yang dikahwini ataupun dari segi mahar, tetapi ianya memberi keuntungan kepada *muwakkil* dan ianya samasekali tidak memberi apa-apa mudarat kepadanya. Dengan erti yang lain, pelanggaran syarat oleh wakil adalah untuk *maṣlahat* dan kepentingan *muwakkil* itu sendiri.

Jumhūr ulama' berpendapat bahawa pelanggaran syarat oleh wakil seperti ini tidak memberi apa-apa kesan kepada aqad. Dengan erti perkahwinan yang dilakukan oleh

wakil adalah sah dan sempurna walaupun dalam masa yang sama, wakil menyalahi kehendak dan syarat yang telah ditentukan oleh *muwakkil*.⁸¹

Ini kerana *wakil* telah mengahwinkan *muwakkil* dengan pasangan dan mahar yang lebih baik dari yang dikehendaknya dan dalam masa yang sama *wakil* telah pun berjaya memenuhi kehendak dan keinginan sebenar daripada *muwakkil*, bahkan lebih dari yang ia kehendaki. Bukan sekadar itu sahaja, malahan *muwakkil* akan lebih senang dan lebih reda dengan aqad yang telah pun dilangsungkan oleh *wakil* kerana aqad tersebut telahpun memberi keuntungan dan kebaikan kepadanya.

Pandangan kedua dalam mazhab Imam *al-Syāfi‘ī* mengatakan bahawa tidak dibolehkan kepada *wakil* untuk mengahwinkan *muwakkil* dengan yang lain daripada yang telah ditentukan oleh *muwakkil*. Hal ini jelas seperti yang disenyatakan oleh *Khatīb al-Syarbīnī* sewaktu beliau mensyarahkan *Matan Minhāj Imām al-Nawāwī*.⁸²

((فَإِنْ أُذِنَ لِهِ) الول ((وَعِنْ امْرَأَةٍ)) بِشَخْصِهَا أَوْ نُوعِهَا كَثْرَةً فَلَا يَنْكِحُهَا إِنْ بَيْنَ فَلَانَ ((لَمْ يَنْكِحْهَا))

غيرها)) لأن الإذن مقصور عليها فلا ينكح غيرها وإن ساواها في المهر أو نقصت عنها.

Ertinya: (*Maka jika diizinkan baginya*) oleh *wali* (dan ditentukan perempuan yang akan dikahwin), dengan ditunjukkan ataupun disifatkan seperti disebutkan *Fulanah* ataupun daripada *Bani Fulan* (tidak boleh dikahwinkan selain dari yang ditentukan) kerana keizinan adalah terbatas kepada perempuan yang ditunjukkan, maka tidak boleh bahawa ia dikahwinkan selain daripadanya sekalipun sama jumlah mahar ataupun kurang daripadanya.

⁸¹ Abū Zuhrah, op.cit. h.180. Muḥammad Muṣṭafā, op.cit. h.58. al-Syarbīnī, op.cit.h169-170.

⁸² Al-Syarbīnī, op.cit. h 169.

2.3.2. Kepada yang lebih merugikan.

Seterusnya antara yang diperbincangkan oleh ulama' ialah apabila wakil melanggari syarat yang telah ditetapkan oleh *muwakkil* tetapi perlanggaran tersebut kepada yang lebih merugikan pihak *muwakkil* ataupun kepada sesuatu yang boleh memberi *mudharat* kepadanya samada secara nyata ataupun tidak. Ianya juga terbahagi kepada dua bagian yang penting, iaitu:

Pertama: Bersangkutan dengan keserasian pasangan (*kafā'ah*).

Kedua: Bersangkutan dengan mahar

2.3.2.(a). Pertama: Bersangkutan dengan keserasian pasangan

(kafā'ah).

Wakil mengahwinkan *muwakkil* dengan pasangan yang merugikan *muwakkil*, contohnya seperti:

- i) Firdaus mewakilkan kepada Ja'afar supaya mengahwinkan anak perempuannya yang bernama Nusaibah dengan lelaki yang bekerja sebagai guru, tetapi Ja'afar telah mengahwinkan Nusaibah dengan seorang lelaki yang bekerja sebagai pemungut sampah.

- ii) Nazri mewakilkan kepada Abdul supaya mengahwinkannya dengan seorang perempuan yang berpendidikan tinggi dan cantik, tetapi Abdul telah mengahwinkannya dengan perempuan yang tidak berpendidikan dan tidak cantik.

Dalam contoh yang pertama, wakil telahpun menyalahi kehendak *muwakkil* iaitu dengan mengahwinkan Nusaibah dengan pasangan yang merugikan. Ini kerana kedudukan pemungut sampah adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan kedudukan guru.

Manakala dalam contoh yang kedua pula, wakil juga telah menyalahi kehendak *muwakkil*, iaitu dengan dikahwinkan *muwakkil* dengan perempuan yang tidak berpendidikan dan tidak cantik. Sedangkan *muwakkil* mewakilkan kepada wakil supaya mengahwinkannya dengan perempuan yang berpendidikan dan cantik.

2.3.2.(b). Bersangkutan dengan mahar.

Wakil telah mengahwinkan *muwakkil* dengan mahar yang merugikan *muwakkil*, contohnya seperti:

- i) Zainab mewakilkan kepada Rosli supaya mengahwinkannya dengan mahar RM7777. Tetapi Rosli telahpun mengahwinkan Zainab dengan mahar RM3336 sahaja.

- ii) Suhaimi mewakilkan kepada Zaki supaya mengahwinkannya dengan seorang perempuan dengan mahar RM1999, tetapi Zaki telah mengahwinkan Suhaimi dengan mahar RM3999 .

Pada contoh yang pertama, *muwakkil* (Zainab) telahpun dikahwinkan oleh wakil (Rosli) dengan mahar yang kurang daripada yang diizinkan dan ianya menyebabkan *muwakkil* kerugian sebanyak RM4441. Manakala dalam contoh yang kedua pula *muwakkil* (Suhaimi) kerugian sebanyak RM2000 kerana wakil telahpun mengahwinkannya dengan mahar RM3999, sedangkan mahar yang disebutkan olehnya kepada wakil hanyalah RM1999 sahaja.

Dari contoh-contoh yang telah diberikan di atas, jelas kepada kita bahawa *wakil* telah pun melanggari syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh *muwakkil* dan pelanggaran tersebut adalah kepada yang lebih merugikan dan memberi mudarat kepada pihak *muwakkil* samada ianya bersangkutan dengan pasangan yang dikahwini ataupun bersangkutan dengan mahar atau isi kahwin.

Para ulama' berselisih pandangan dan pendapat dalam menentukan hukum berkenaan dengan masalah ini kepada dua pandangan utama.

Menurut jumhūr, aqad perkahwinan yang dilangsungkan oleh wakil adalah *mauquf* (مؤقّف) ataupun terhenti kesahihannya di atas keizinan daripada pihak *muwakkil*. Ini memberi makna jika sekiranya *muwakkil* mengizinkan dan reda dengan

aqad yang dilangsungkan oleh wakil, maka aqad tersebut adalah sah dan sempurna. Tetapi jika *muwakkil* tidak memberikan persetujuannya atau tidak meredai dengan aqad yang telah dilangsungkan tersebut, ianya dikira terbatal dan tidak sah.⁸³

Menurut jumhūr, ini kerana *muwakkil* mempunyai kuasa penuh terhadap aqad yang dilangsungkan oleh wakil dan dengan sebab itulah ianya memerlukan kepada keizinan daripadanya untuk mensabitkan kesahihan aqad yang dilakukan.

Manakala menurut *Syāfi'iyyah* pula, mereka berpendapat bahawa aqad yang dilakukan oleh *wakil* adalah tidak sah kerana wakil telah melanggari syarat yang telah ditetapkan oleh *muwakkil*, iaitu dengan mengahwinkan *muwakkil* dengan pasangan yang tidak *kufu'* dan dengan mahar yang merugikan diri *muwakkil* (bukan dengan *mahar mithil*). Sedangkan kedua-dua ini (*kufu'* dan *mahar mithil*) adalah merupakan syarat penting untuk mengesahkan setiap aqad perkahwinan yang dilangsungkan.

Dengan lain perkataan, aqad tersebut dikatakan tidak sah kerana wakil telah bertindak lebih daripada had keizinan yang telah diberikan oleh *muwakkil* kepadanya.

Hal ini jelas seperti yang telah disebutkan oleh Imam *al-Nawāwī* dalam *Matan Minhājnya*⁸⁴:

ولو قالت لوليها زوجني بالف فنقص عن بطل النكاح.

⁸³ Muhammad 'Uqlah, (Dr), op.cit.h.302. Abū Zuhrah, op.cit. , h.158.

⁸⁴ Al-Syarbīnī, op.cit,jld:3, h.158. Al-Nawāwī, op.cit.

Ertinya: *Dan jika seseorang perempuan berkata kepada walinya: "Kahwinkan aku dengan mahar seribu, tetapi walinya mengahwinkannya dengan mahar yang kurang dari seribu, maka aqad perkahwinan adalah batal/tidak sah".*

Jika dilihat dari maksud nas di atas, jelas bahawa wakil berkewajipan untuk mengahwinkan *muwakkil* dengan mahar yang telah disebutkan atau yang dipersetujui oleh *muwakkil* untuk mengesahkan aqad yang dilakukan. Begitu juga dikiaskan dengan permasalahan ini berkenaan pasangan yang akan dikahwini, iaitu *wakil* mestilah mengahwinkan *muwakkil* dengan pasangan yang *kufu'* dan sepadan dengannya.

Dari perbahasan yang disebutkan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa menurut *jumhūr*, aqad yang dilakukan oleh wakil adalah *mauqūf* atau terhenti kesahihannya di atas keizinan daripada *muwakkil*. Ini adalah dikeranakan oleh:

- i) Wakil telahpun melanggari had keizinan yang telah diberikan kepadanya oleh *muwakkil*.
- ii) Pelanggaran tersebut adalah kepada yang lebih merugikan pihak *muwakkil*

Menurut *jumhūr*, jika *muwakkil* memberikan keizinannya setelah berlakunya aqad, maka aqad yang dilakukan oleh wakil adalah sah dan sempurna sepertimana dengan aqad-aqad yang lain.

Manakala menurut *Syāfi'iyyah* pula, aqad yang dilakukan oleh wakil adalah tidak sah sama sekali kerana wakil telahpun melanggari had keizinan yang telah diberikan kepadanya oleh *muwakkil* dan pelanggaran tersebut adalah kepada yang lebih merugikan pihak *muwakkil*.

Menurut penulis pandangan *Syāfi'iyyah* adalah lebih kuat dan rajih. Ini kerana apabila *muwakkil* mengikatkan keizinannya dengan beberapa syarat, tentulah pada zahirnya menandakan bahawa dia tidak reda dan tidak mempersetujui bahawa ia dikahwinkan oleh wakil tanpa diambilkira syarat-syarat tersebut. Begitu juga pada zahirnya *muwakkil* mewakilkan kepada wakil adalah dengan tujuan supaya wakil mengahwinkannya dengan pasangan yang mempunyai ciri-ciri yang telah ia tetapkan. Ini kerana jika hanya sekadar untuk berkahwin tanpa melihat kepada ciri-ciri tertentu, tentulah ianya merupakan sesuatu yang senang untuk dilakukan dan ianya boleh dikerjakan oleh *muwakkil* sendiri tanpa memerlukan kepada pertolongan dan bantuan daripada wakil.

Menurut penulis, pandangan ini adalah lebih kuat kerana ianya boleh mengelak daripada berlakunya perselisihan faham dan pertikaian yang mungkin akan berlaku antara wakil dan *muwakkil*.

2.4. *Wakil mengahwinkan muwakkil dengan dirinya sendiri*

(الوکیل بزوج نفسه).

Antara perkara yang penting dan perlu diperbahaskan dalam perbahasan ini⁸⁵ ialah berkenaan dengan *wakil* yang mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya sendiri. Perbahasan akan dibahagikan kepada dua aspek penting, iaitu dengan keizinan dan tanpa keizinan.

Sebelum dibincangkan permasalahan ini dengan lebih mendalam, di sini penulis ingin mengemukakan pandangan *fuqahā'* tentang hukum mengendalikan aqad perkahwinan oleh seorang *'aqid*. Dengan erti kata yang lain, adakah sah aqad perkahwinan yang dikendalikan hanya oleh satu orang sahaja. Ini kerana hukum asal bagi setiap aqad, ianya mestilah dikendalikan oleh dua orang, iaitu pihak *ijab* dan *qabul*.

Menurut *jumhūr fuqahā'* yang terdiri daripada Imam Abū Hanīfah, Muhammad bin Hasan, Mālik dan pandangan terkuat dalam mazhab Imam Ahmad bin Hanbal mengatakan bahawa sah dan sempurna aqad yang dilakukan oleh seorang *'aqid* jika sekiranya ia mempunyai kekuasaan ke atas aqad yang dilakukan samada *'aqid* merupakan wali atau wakil atau pengantin sendiri (*aṣālah* – أصلحة). Permasalahan berlaku pada lima gambaran:⁸⁶

⁸⁵ Wakil menyalahi kehendak *muwakkil*.

⁸⁶ 'Abd al-Azīz 'Azzām, (Dr) (et al), (2000-2001), *Al-Usrah Wa Ahkāmuḥā Fī Tasyrī' al-Islāmī*, Mesir : Maktabah al-Risālah al-Dauliyah Litibā'a'h, h.89-92. Wahbah al-Zuhāyli, op.cit, jld4,h355-356.

- i) ‘Aqid adalah merupakan wakil dari kedua-dua pihak. Gambarannya seperti seorang wakil diwakilkan oleh seorang lelaki untuk mengahwinkannya dan dalam masa yang sama wakil juga telah diwakilkan oleh perempuan untuk mengahwinkannya. Lafaz atau *sighah aqad* bagi gambaran ini seperti kata wakil di hadapan dua saksi: “Aku kahwinkan lelaki yang telah berwakil kepadaku dengan perempuan yang mewakilkan padaku”. Kedudukan lafaz yang diucapkan oleh wakil sama dengan ibarat yang diucapkan oleh dua pihak iaitu *ijab* dan *qabul*.
- ii) Wakil dari satu pihak dan merupakan *asālah*. Gambarannya seperti : Seorang perempuan mewakilkan kepada seorang lelaki untuk mengahwinkannya dengan dirinya sendiri. Contoh lafaz atau *sighah* bagi gambaran ini seperti kata *aṣālah* : ”Aku telah diwakilkan oleh seorang perempuan untuk mengahwinkan diriku dengannya dan aku kahwinkannya dengan diriku”.
- iii) ‘Aqid adalah merupakan wali kepada kedua-dua pihak. Gambarannya seperti seorang datuk (*al-Jad*) mengahwinkan cucunya yang lelaki (*ibn ibn*) dengan cucunya yang perempuan (*bint ibn*) ataupun seorang bapa mengahwinkan anak perempuannya dengan anak saudaranya yang berada di bawah *wilayahnya*.
- iv) ‘Aqid adalah merupakan wali dari satu pihak dan wakil dari pihak yang lain. Gambarannya seperti seorang bapa mengahwinkan anak perempuannya dengan seorang lelaki yang telah berwakil kepadanya.

- v) ‘Aqid adalah merupakan *asil* pada satu pihak dan wali pada pihak yang lain. Gambarannya seperti seorang lelaki mengahwinkan dirinya dengan sepupunya (*bint ‘am*) yang berada di bawah kekuasaannya.

Menurut pandangan kedua dari ulama’ iaitu pandangan Imam *al-Syāfi‘ī*, Zufar dan pandangan kedua dalam mazhab Imam Ahmad bin Hanbal mengatakan bahawa tidak harus bagi satu orang mengendalikan aqad bagi dua pihak dengan satu ibarat. Walau bagaimanapun Imam *al-Syāfi‘ī* mengecualikan satu permasalahan iaitu dibolehkan bagi datuk untuk mengahwinkan cucunya yang lelaki dengan cucunya yang perempuan⁸⁷. Dengan erti, datuk menjadi wali bagi kedua-dua cucunya yang lelaki dan perempuan. Menurut mereka hanya dalam keadaan ini sahaja seorang boleh mengendalikan perkahwinan bagi dua pihak.

2.4.1. Tanpa keizinan.

Para ulama’ bersepakat mengatakan bahawa tidak sah aqad perkahwinan yang dilakukan oleh wakil apabila ia mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya sendiri jika ia tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada *muwakkil*. Ini kerana wakil bertindak lebih daripada had kuasa yang telah diberikan kepadanya oleh *muwakkil*. Tambahan pula, tindakan tersebut tidak mendapat pengiktirafan dan sokongan atau persetujuan daripada

⁸⁷ ‘Abd al-‘Azīz ‘Azzām (Dr) (et al), op.cit, h.91, Al-Zuhāyli, op.cit. jld :4, h.355-256. Al-Syarbīnī, op.cit.h.163.

muwakkil. Selain dari itu, wakil tidak mempunyai kuasa untuk memaksa *muwakkil* berkahwin dengan dirinya sendiri⁸⁸.

2.4.2. Dengan keizinan.

Para ulama' berselisih pandangan apabila *muwakkil* mengizinkan kepada wakil untuk mengahwinkannya (*muwakkil*) dengan dirinya (wakil) sendiri.

Contoh bagi permasalahan ini seperti:

- i) Fatimah mewakilkan kepada 'Alī untuk mengahwinkannya dengan seseorang, tetapi dalam masa yang sama, ia juga mengizinkan kepada 'Alī untuk mengahwinkannya dengan dirinya ('Alī atau wakil) sendiri.
- ii) Yunus mewakilkan kepada Yūsuf untuk mengahwinkan anaknya yang bernama Hani' dengan Muhammad dan dalam masa yang Yunus juga mengizinkan kepada Yūsuf untuk mengahwinkan dirinya sendiri dengan Hani'.

Dalam contoh yang pertama, *muwakkil* telah mewakilkan kepada wakil untuk mengahwinkannya dengan seorang lelaki dan dalam masa yang sama *muwakkil* juga telah mengizinkan kepada wakil untuk mengahwinkannya dengan dirinya sendiri. Manakala

⁸⁸ Ibn 'Abd al-Bar, (op.cit), h.229-230. Abū Zuhrah, op.cit. *al-Āḥwāl al-Syakhsīyah*, h.135. 'Abd al-Rahmān Tāj, op.cit.h.121. Ibn Humām, op cit, h.305-306.

dalam contoh yang kedua pula, *muwakkil* telah mewakilkan kepada wakil untuk mengahwinkan perempuan yang berada di bawah kuasanya dengan seorang lelaki dan dalam masa yang sama juga ia memberi keizinan kepada wakil untuk mengahwinkan dirinya sendiri dengan perempuan tersebut.

Dalam permasalahan ini para ulama' telah berselisih pandangan dan secara umumnya, perbezaan pandangan ini bolehlah dibahagikan kepada dua pendapat⁸⁹:

Jumhūr ulama' yang terdiri daripada *Hanafiyah*, *Mālikiyah* dan pandangan terkuat dalam mazhab Imam Ahmad bin Hanbal mengatakan bahawa adalah harus bagi wakil mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya sendiri jika ia mendapat atau diberi keizinan terlebih dahulu oleh *muwakkil*⁹⁰. Bahkan, menurut mereka tidak perlu kepada keizinan jika sekiranya perempuan (*muwakkil*) masih lagi kecil dan sekiranya wakil adalah merupakan sepupu kepadanya (ابن عمّ).

Berkata Ibn Humām dalam kitabnya *Syarh Fath al-Qadīr*⁹¹:

وإذا أذنت المرأة لرجل أن يزوجها من نفسه فعقد بمحضه شاهدين جاز.

Ertinya: *Dan apabila seseorang perempuan mengizinkan kepada seseorang lelaki untuk mengahwinkan dirinya dengan dirinya (wakil)*

⁸⁹ Ibid.

⁹⁰ Ibn Qudāmah, op.cit.h.239. Ibn Humām, op.cit. 'Abd Al-Karīm Zaidān, op.cit. h.493-494. Sayyīd Sābiq, (1997M-1417H), *Fiqh al-Sunnah*, jld:2, Dār al-Fath Lil 'Ilām al-'Arabi, h.203.

⁹¹ Ibid, Ibn 'Abd al-Bar, op.cit. h.229-230.

sendiri, lalu dilakukan aqad di hadapan dua orang saksi maka harus (sah aqad tersebut).

Berkata *Ibn Humām* lagi⁹²:

((وَيُبَرُّ لَابْنِ عَمٍّ أَنْ يَزُوِّجْ بَنْتَ عَمِّهِ مِنْ نَفْسِهِ)) الصغيرة بغير إذنها والبالغة بإذنها فيقول إشهاداً أن

تزوجتُ بنت عمى فلانة بنت فلان بن فلان أو زوجتها من نفسي.

Ertinya: ((Dan harus bagi anak lelaki kepada bapa saudara (sepupu) bahawa ia mengahwinkan sepupunya yang perempuan dengan dirinya sendiri)) (jika) kecil tidak perlu kepada keizinannya dan jika dewasa (cukup umur b'Alīgh) dengan (mendapat) keizinan terlebih dahulu, dengan ia berkata: Saksikanlah bahawa sesungguhnya aku berkahwin dengan anak perempuan kepada bapa saudaraku Fulanah binti Fulan bin Fulan, ataupun (ia berkata); Aku kahwinkan ia dengan diriku.

Dari dua petikan di atas, jelas bahawa menurut *jumhūr* diharuskan bagi *wakil* untuk mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya sendiri jika sekiranya *wakil* diberi keizinan terlebih dahulu oleh pihak *muwakkil* untuk melakukannya.

Ini kerana, menurut mereka *wakālah* adalah merupakan sebahagian ataupun satu jenis (نوع) daripada *wilayah* atau kekuasaan. Dengan ibarat yang lain, kedudukan dan tugas *wakil* adalah sama dengan kedudukan dan tugas seorang wali. Oleh itu, sepertimana dibolehkan kepada wali untuk mengahwinkan perempuan yang berada di bawah kekuasaannya dengan sesiapa sahaja, begitu juga dibolehkan kepada wakil untuk

⁹² *Ibn Humām*, op.cit. h.305.

mengahwinkan perempuan yang berada di bawah kekuasaannya dengan sesiapa sahaja termasuk dirinya sendiri.

Antara sandaran *jumhūr* yang membolehkan bagi seorang mengendalikan aqad bagi dua pihak ialah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Abū Dāwūd, sabda Nabi s.a.w.:⁹³

أَنْرَضَيْتِ أَنْ أَزُوْجَكِ فَلَا نَهَا ؟ قَالَ نَعَمْ . وَقَالَ لِلمرْأَةِ : أَنْرَضَيْتِ أَنْ أَزُوْجَكِ فَلَا نَهَا ؟ قَالَتْ نَعَمْ .
فَزَوْجُ أَحَدِهَا صَاحِبٌ .

Ertinya: *Adakah kamu rela bahawa aku kahwinkan kamu dengan dengan Fulanah? Ia berkata: Ya. Dan (Nabi) bersabda kepada perempuan: Adakah kamu juga rela bahawa aku kahwinkan kamu dengan Fulan? Ia berkata: Ya. Maka Rasūlullāh pun mengahwinkan keduanya.*

Hadith ini menunjukkan bahawa dibolehkan bagi seorang untuk mengendalikan aqad bagi dua pihak. Dengan itu dibolehkan juga bagi seorang lelaki untuk mengahwinkan seorang perempuan dengan dirinya sendiri apabila diizinkan oleh perempuan tersebut.

Selain dari itu, *jumhūr* mengatakan sah aqad yang dilakukan oleh wakil apabila ia mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya sendiri kerana aqad yang dilakukan dapat memenuhi kehendak hadith yang mensyaratkan adanya empat perkara untuk mengesahkan sesuatu aqad perkahwinan iaitu *ijab*, *qabul* dan dua orang saksi. Ini kerana wakil memainkan peranan sebagai pihak yang melafazkan *ijab* dan seterusnya *qabul*.

⁹³ Abū Dāwūd, op.cit. h238.

Dengan erti kata yang lain wakil memainkan dua peranan utama iaitu *ijab* dan juga *qabul*⁹⁴.

Seterusnya *jumhūr* mengatakan bahawa wakil adalah merupakan utusan dan penyampai bagi pihak *muwakkil* sahaja. Bagi mereka, kedudukan wakil untuk aqad perkahwinan adalah berbeza dengan kedudukan wakil dalam aqad jual beli. Ini kerana wakil bagi aqad jual beli akan dituntut dengan hak-hak yang bersangkutan dengan jual beli seperti barang jualan dan ini berbeza dengan kedudukan wakil bagi aqad perkahwinan kerana ia tidak akan dituntut dengan apa-apa hak yang bersangkutan dengan perkahwinan seperti mahar, nafkah dan seumpamanya. Oleh itu menurut mereka adalah dibolehkan bagi wakil aqad perkahwinan bahawa ia mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya sendiri⁹⁵.

Jumhūr juga mengkiaskan permasalahan ini dengan masalah talak. Menurut *jumhūr*, apabila sah dan jatuhnya talak terhadap seorang lelaki yang mewakilkan kepada isterinya untuk menceraikan dirinya sendiri, begitu juga sah apabila seseorang itu diwakilkan oleh seseorang untuk mengahwinkannya dengan dirinya sendiri.

Manakala menurut pandangan *Syāfi’īyyah* dan Zufar dari mazhab *Hanafī* pula, adalah tidak harus dan tidak boleh sama sekali bagi seseorang wakil mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya sendiri. Dengan erti kata yang lain, adalah tidak sah jika wakil

⁹⁴ Ibid.h.307. Al-Sarakhsī, op.cit. h.15. ‘Abd Al-Karīm Zaidān, op.cit. h.493.

⁹⁵ Ibid.

mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya walaupun ianya diizinkan dan dipersetujui oleh *muwakkil*⁹⁶.

Hal ini jelas seperti yang disebutkan oleh Ibn Humām dalam kitab *Hasyiyah Rad al-Mukhtār* sewaktu membincangkan hukum seseorang wakil bertindak mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya sendiri, katanya⁹⁷:

وقال زفر والشافعى: لا يجوز.

Ertinya: Dan berkata Zufar dan Syāfi'ī : Tidak harus.

Hal ini diperjelaskan lagi secara terperinci oleh Imam *al-Nawāwī* dalam kitabnya *Matan Minhāj*, katanya⁹⁸:

فإن فقد فالقاضى فلو أراد القاضى نكاح من لا ولا يزوج ابن عم نفسه بل يزوجه ابن عم في درجته ولن لها زوج من فوقه من الولاية أو خليفة وكما لا يجوز لواحد تولى الطرفين لا يجوز أن يوكلا وكل وكيلان في أحدهما أو وكيلين فيها في الأصل.

Ertinya: *Dan tidak dibolehkan bagi anak lelaki kepada bapa saudara (sepupu - Ibn 'Am) untuk mengahwinkan seseorang perempuan (sepupunya) dengan dirinya sendiri, tetapi ianya hendaklah dikahwinkan oleh anak kepada bapa saudara yang lain yang sama kedudukan dengan dirinya jika tiada hendaklah dikahwinkan oleh kadi. Jika seseorang kadi ingin berkahwin dengan seseorang perempuan yang tidak mempunyai wali, ianya hendaklah dikahwinkan dengan seseorang yang lebih tinggi kedudukan daripadanya seperti pemimpin atau kh'Alīfah. Dan se pertimana tidak diharuskan bagi seseorang untuk mengend'Alīkan aqad perkahwinan bagi kedua-dua pihak, tidak harus juga baginya untuk mewakilkannya kepada seseorang wakil pada salah satu daripadanya*

⁹⁶ Ibid. Sayyid Sābiq op.cit h.203-204.

⁹⁷ Ibn Humām, op.cit. h.305.

⁹⁸ Al-Nawāwī, *Minhāj al-Tālibīn*, op.cit. h.86. Al-Syarbīnī, op.cit. h 163.

ataupun (melantik) dua orang wakil terhadap keduanya mengikut pandangan yang terkuat.

Daripada dua nas yang disebutkan di atas, jelas kepada kita bahawa menurut pandangan terkuat (*asah-* حـلـالـاـتـ) dalam mazhab Imam *al-Syāfi'i* dan pandangan Zufar bahawa tidak dibolehkan dan tidak sah sama sekali bagi wakil untuk mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya sendiri samada dengan kerelaan dan persetujuan dari *muwakkil* ataupun tidak.

Ini kerana, menurut mereka seseorang tidak dibolehkan untuk mengendalikan dua urusan dari dua pihak yang berbeza, iaitu mengendalikan *ijab* bagi pihak *muwakkil* dan *qabul* bagi pihak dirinya sendiri, ataupun sebaliknya. Dengan maksud, seseorang tidak boleh dalam masa yang sama menjadi wakil bagi pihak *muwakkil* dan seterusnya menerima nikah bagi pihak dirinya sendiri. Hal ini tidak sama dengan aqad jual beli di mana seorang boleh menjadi wakil bagi pihak pembeli dan dalam masa yang sama ia juga adalah merupakan wakil bagi pihak penjual⁹⁹.

Selain dari itu, mereka juga mengatakan bahawa setiap aqad perkahwinan hanya akan sah dan sabit hukumnya apabila ianya dihadiri dan melibatkan empat pihak iaitu wali , suami dan dua orang saksi¹⁰⁰.

⁹⁹ Ibn Humām, op.cit. h.306. ‘Abd al-Karīm Zaidān, op.cit. h 493.

¹⁰⁰ Ahmad Badr al-Dīn (Dr), op.cit. jld:11, h.74.

ataupun (melantik) dua orang wakil terhadap keduanya mengikut pandangan yang terkuat.

Daripada dua nas yang disebutkan di atas, jelas kepada kita bahawa menurut pandangan terkuat (*asah-الصَّلَوةِ*) dalam mazhab Imam *al-Syāfi’ī* dan pandangan Zufar bahawa tidak dibolehkan dan tidak sah sama sekali bagi wakil untuk mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya sendiri samada dengan kerelaan dan persetujuan dari *muwakkil* ataupun tidak.

Ini kerana, menurut mereka seseorang tidak dibolehkan untuk mengendalikan dua urusan dari dua pihak yang berbeza, iaitu mengendalikan *ijab* bagi pihak *muwakkil* dan *qabul* bagi pihak dirinya sendiri, ataupun sebaliknya. Dengan maksud, seseorang tidak boleh dalam masa yang sama menjadi wakil bagi pihak *muwakkil* dan seterusnya menerima nikah bagi pihak dirinya sendiri. Hal ini tidak sama dengan aqad jual beli di mana seorang boleh menjadi wakil bagi pihak pembeli dan dalam masa yang sama ia juga adalah merupakan wakil bagi pihak penjual⁹⁹.

Selain dari itu, mereka juga mengatakan bahawa setiap aqad perkahwinan hanya akan sah dan sabit hukumnya apabila ianya dihadiri dan melibatkan empat pihak iaitu wali , suami dan dua orang saksi¹⁰⁰.

⁹⁹ Ibn Humām, op.cit. h.306. ‘Abd al-Karīm Zaidān, op.cit. h 493.

¹⁰⁰ Ahmad Badr al-Dīn (Dr), op.cit. jld:11, h.74.

Dalil mereka dalam permasalahan ini ialah sabda Nabi s.a.w.

لَا نكاح الا بأربع: خطيب، وولي وشاهدين.

Ertinya: *Tidak sah nikah melainkan apabila adanya empat pihak, iaitu: pengantin lelaki, wali dan dua orang saksi.*¹⁰¹

Menurut mereka, dalam hadith ini jelas bahawa Rasūlullāh s.a.w. mensyaratkan kehadiran empat orang bagi mengesahkan sesuatu aqad perkahwinan, iaitu:

- i) Suami
- ii) Wali
- iii) Dua orang saksi.

Ini bermakna, apabila seseorang wakil mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya sendiri, ianya hanya dihadiri oleh tiga pihak sahaja yang terdiri dari suami dan dua orang saksi. Oleh itu, aqad yang dilangsungkan adalah tidak sah kerana tidak dapat memenuhi kehendak hadith Rasūlullāh s.a.w. yang mensyaratkan kehadiran empat pihak sewaktu berlangsungnya aqad¹⁰².

Dari perbahasan di atas, jelas bahawa pandangan terkuat dalam mazhab Imam *al-Syāfi’ī* dan Zufar yang mengatakan bahawa wakil tidak boleh mengahwinkan *muwakkil* dengan dirinya sendiri adalah lebih kuat dan *rajih*. Ini kerana dalil yang mereka kemukakan adalah lebih kuat jika dibandingkan dengan pandangan *jumhūr*.

¹⁰¹. Al-Bāīhaqī, op.cit. h.142-143, Bāb Lā Yuzāwwiz Nafsuḥu Imraah Huwa Waliyyuhā Kamā Lā Yasytarī Min Nafsihi Syaian Huwa Waliyyū Baiy'h. Dār Qutnī, (1966M-1386H), *Sunan DārQutnī*, jld:3, Qaherah; Dār Al-Maḥāsin, h.225, no: 19, Bāb Kitāb al-Nikāh.

¹⁰² Abū Bakr al-Syāfi’īy, op.cit.h.358.

Selain itu, pemilihan pandangan ini adalah bersesuaian dengan satu *qaedah fiqh* iaitu¹⁰³:

الأصل في الأقضـاع التحرـم

Ertinya: *Hukum asal bagi setiap kemaluan wanita adalah diharamkan.*

Kaedah ini menjelaskan bahawa setiap perkara yang bersangkutan dengan kemaluan seperti *istimta'* dan *jima'* hukumnya adalah diharamkan. Dengan erti, ianya tidak boleh dipermudah dan diperlakukan dengan sewenang-wenangnya. Ini berbeza dengan perkara-perkara yang lain kerana hukum asal baginya adalah harus¹⁰⁴. Oleh kerana hukum asal bagi kemaluan adalah diharamkan, maka adalah menjadi satu kemestian kepada umat Islam supaya lebih berhati-hati dan berwaspada apabila sesuatu itu melibatkan dengan perkara tersebut.

Selain itu, perkahwinan melibatkan masalah keturunan. Dengan itu langkah berjaga-jaga dan waspada lebih perlu dititikberatkan.

Seterusnya, pandangan ini adalah lebih bersesuaian dengan amalan dan realiti semasa dan ianya boleh membendung masyarakat daripada terdedah dengan gejala sosial dan hubungan liar yang kian membimbangkan.

¹⁰³ Al-Sayūtī, op.cit.h.84.

¹⁰⁴ Ibid, h.82.

Akhirnya pandangan ini amat utama dipilih demi untuk menolak dan mengelak dari berlaku dan tersebarinya fitnah dalam masyarakat khususnya terhadap wakil, *muwakkil* dan seterusnya kepada keturunan yang dilahirkan hasil dari perkahwinan tersebut.

2.5. Wakil daripada dua pihak.

Perbincangan kepada Tājuk ini, menjurus kepada pandangan *jumhūr fuqahā'* yang terdiri daripada *Hanafiyah*, *Mālikiyah* dan pandangan terkuat dalam mazhab Imam Ahmad bin Hanbal yang membolehkan seorang menngendalikan aqad bagi kedua-dua pihak.

Wakil daripada dua pihak bermaksud ;

Seseorang menjadi wakil kepada pihak perempuan dan lelaki dalam masa yang sama .

Ini bererti, lelaki menjadi wakil untuk melakukan *ijab* dan seterusnya menjadi wakil untuk *qabul* daripada *ijab* yang ia sendiri lakukan.

Contohnya seperti :

- i. Fatimah mewakilkan kepada Ahmad untuk mengahwinkannya dengan ‘Alī dan dalam masa yang sama, ‘Alī juga telah

mewakilkan kepada Ahmad untuk menerima nikah bagi pihak dirinya dengan Fatimah.

- ii. ‘Abdullah mewakilkan kepada Zamri supaya mengahwinkan anaknya yang bernama Kalsom dengan Adam. Dalam masa yang sama, Zamri juga telah menerima wakil daripada Adam untuk menerima nikah bagi pihak dirinya dengan Kalsom.

Pada contoh yang pertama, Ahmad adalah merupakan wakil kepada Fatimah untuk mengahwinkannya dengan ‘Alī. Dalam masa yang sama juga, Ahmad juga merupakan wakil kepada ‘Alī untuk mengahwinkannya dengan Fatimah. Manakala pada contoh kedua pula, Zamri adalah merupakan wakil kepada ‘Abdullah untuk mengahwinkan anaknya Kalsom dengan Adam. Dalam masa yang sama Zamri juga adalah merupakan wakil kepada Adam untuk menerima nikah bagi pihaknya dengan Kalsom. Dari kedua-dua contoh di atas, didapati bahawa Ahmad dan Zamri telahpun menerima wakil daripada kedua-dua pihak iaitu pihak lelaki dan perempuan untuk melangsungkan aqad perkahwinan. Dengan ibarat yang lain, Ahmad dan Zamri telah menerima amanah untuk melangsungkan *ijab* dan *qabul* dalam waktu dan majlis yang sama.

Dalam hal ini para ulama’ berselisih pandangan kepada dua pendapat¹⁰⁵. Menurut pandangan pertama iaitu daripada *jumhūr fuqahā’* apabila seseorang itu menjadi wakil daripada kedua-dua belah pihak, aqad yang dilakukan olehnya adalah sah. Ini kerana iaanya adalah merupakan aqad yang sempurna dan memenuhi kehendak dan rukun aqad.

¹⁰⁵ Ibn Humām, op.cit. h.307.

Menurut mereka, walaupun aqad tersebut hanya dihadiri oleh tiga orang sahaja iaitu dua orang saksi dan wakil, tetapi oleh kerana wakil memainkan dua peranan, maka iaanya seolah-olah dihadiri oleh empat orang iaitu wali, pengantin lelaki dan dua saksi¹⁰⁶.

Berkata Ibn Humām¹⁰⁷:

رجل زوج بنت أخيه من ابن أخيه فقال زوجت فلانة من فلان يكتفى ولا يحتاج الى أن يقول قبلت، وكذا كل من يتولى طرف العقد إذا أتي بأحد شطري الإيجاب يكتفيه، ولا يحتاج الى الشطر الآخر لأن اللفظ الواحد يقع دليلاً من الجانبيين.

Ertinya: Seorang lelaki mengahwinkan anak perempuan kepada saudaranya dengan anak lelaki kepada saudaranya, lalu ia berkata: Aku kahwinkan Fulanah dengan Fulan, (sudah) memadai, dan tidak memerlukan kepada bahawa ia berkata: Aku terima. Dan begitu juga bagi setiap orang yang mengendalikan aqad bagi dua pihak, apabila ia melaafazkan dengan salah satu daripada dua pihak (iaitu) ijab sudahpun memadai dan tidak perlu kepada pihak yang lain, kerana satu lafadz menunjukkan kepada dua pihak.

Pandangan kedua iaitu *Syāfi’īyyah*, Zufar dan pandangan kedua dalam mazhab Imam Ahmad bin Hanbal, apabila seorang menjadi wakil daripada kedua-dua belah pihak, aqad yang dilakukan olehnya adalah tidak sah¹⁰⁸.

Menurut pandangan ini, orang yang sama tidak dibolehkan untuk mengendalikan urusan bagi dua pihak dalam satu waktu. Berkata Imam *al-Nawāwī* dalam *Minhājnya*¹⁰⁹:

¹⁰⁶ Ibid.Ibn Qāyyim, op.cit. h.84.

¹⁰⁷ Ibn Humām, op.cit. h.307.

¹⁰⁸ Ibid,h.306., Al-Syarbīnī, op.cit. h163. Ibn Qāyyim, op.cit. h.84.

¹⁰⁹ Al-Nawāwī, *Minhāj al-Talibīn*, h.86.

... لا يجوز لواحد تولى الطرفين ...

Ertinya: *Tidak harus bagi seorang mengendalikan aqad bagi dua pihak.*

Menurut mereka, untuk mensahkan sesuatu aqad perkahwinan, sekurang-kurangnya ianya mestilah dihadiri oleh empat orang iaitu; Pengantin lelaki, wali dan dua orang saksi.. Hal ini jelas seperti yang disabdakan oleh Baginda s.a.w. :

لَا نكاح الا بأربع : خاطب وولي وشاهدين.

Ertinya: *Tidak sah nikah melainkan dengan dihadiri oleh empat pihak (iaitu) pengantin lelaki, wali dan dua orang saksi¹¹⁰.*

Menurut mereka, kehadiran empat orang adalah merupakan satu kemestian untuk mensahkan sesuatu aqad yang dilakukan. Oleh itu apabila seorang memainkan dua peranan, ianya tidak dapat memenuhi kehendak hadith yang mensyaratkan kehadiran empat orang. Dengan itu, aqad yang dilakukan adalah tidak sah.

Setelah melihat kepada perbahasan di atas, penulis berpandangan bahawa aqad yang dilakukan oleh seorang yang menjadi wakil daripada kedua-dua pihak , iaitu wakil untuk melakukan *ijab* dan dalam masa yang merupakan wakil untuk *qabul* adalah tidak sah.

¹¹⁰ Al-Bāīhaqī, op.cit. Al-DārQutnī, op.cit.

Ini kerana dalil dan hujah yang telah dikemukakan oleh pandangan ini adalah lebih kuat dan *rajih* dan ianya adalah lebih bersesuaian dengan realiti dan amalan masyarakat sekarang.

FASAL KEEMPAT

WAKIL ATAS WAKIL

Wakil atas wakil / التوكيل على الوكيل

Mewakilkan kepada seseorang untuk melangsungkan aqad perkahwinan adalah merupakan suatu amalan yang dibenarkan oleh *syara'*. Bahkan ianya merupakan satu bentuk pertolongan yang diberi ganjaran pahala oleh Allāh s.w.t. di hari akhirat nanti. Firman Allāh s.w.t. dalam Sūrah *al-Māidah*:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالثَّقْوِيِّ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ

Ertinya:*Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.* Al-Māidah (5), ayat:2.

Walaupun begitu, yang menjadi persoalannya, adakah dibolehkan bagi wakil untuk mewakilkan aqad perkahwinan yang telah diwakilkan kepadanya kepada pihak yang lain?. Secara ringkasnya adakah dibolehkan wakil atas wakil?.

Dalam fasal ini, penulis akan membincangkan secara terperinci berkenaan hukum wakil atas wakil dengan melihat kepada *khilāf* para ulama' dan dalil serta hujah yang mereka kemukakan dan seterusnya memilih pandangan yang lebih *rajih* dan tepat.

Perbincangan akan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu;

Pertama: Dengan keizinan.

Kedua: Tanpa keizinan.

1.0. Dengan keizinan.

Para ulama' bersepakat mengatakan bahawa seseorang wakil dibolehkan untuk mewakilkan kepada orang lain (wakil kedua) untuk mengahwinkan *muwakkil* jika sekiranya ianya mendapat keizinan terlebih dahulu daripada pihak *muwakkil*. Keizinan ini pula dapat diketahui dengan dua cara, iaitu:

- i) *Muwakkil* mengizinkan kepada wakil untuk mewakilkan kepada pihak kedua secara jelas samada dengan ucapan, tulisan atau isyarat yang boleh difahami..
- ii) *Muwakkil* mewakilkan kepada wakil secara mutlak, dengan erti tidak ada tandanya yang jelas dan nyata daripada *muwakkil* yang menunjukkan bahawa ia membenar atau melarang wakil untuk mewakilkan kepada pihak yang lain.

Dalam permasalahan yang pertama, para ulama' bersepakat mengatakan bahawa dibolehkan kepada wakil untuk mewakilkan kepada pihak lain (wakil kedua) untuk

melangsungkan aqad perkahwinan yang telah diwakilkan kepadanya. Ini kerana ianya telahpun mendapat keizinan yang jelas dan terang daripada pihak *muwakkil*¹¹¹.

Manakala bagi permasalahan yang kedua pula, terdapat dua pandangan daripada ulama' dan yang terkuat mengatakan bahawa dibolehkan bagi wakil untuk mewakilkan kepada pihak lain kerana tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ia (*muwakkil*) tidak bersetuju untuk wakil mewakilkan kepada pihak yang lain.

Pandangan kedua daripada ulama' pula mengatakan bahawa pihak wakil tidak dibolehkan untuk mewakilkan kepada pihak yang lain (wakil kedua) untuk melangsungkan aqad perkahwinan yang telah diwakilkan kepadanya (wakil pertama). Ini kerana pihak wakil hanya dibolehkan untuk bertindak mengikut had keizinan dan had kuasa yang telah diberikan kepadanya sahaja.

Selain itu, *muwakkil* hanya reda dan percaya kepada pihak yang ia wakilkan dan tidak reda dan tidak percaya kepada orang lain. Dengan itu, wakil tidak dibolehkan samasekali untuk mewakilkan kepada pihak yang lain kecuali setelah mendapat keizinan yang jelas dan nyata daripada pihak *muwakkil*¹¹².

¹¹¹ Al-Nawāwī, *Raudah al-Tālibīn*, op.cit.h.419. Al-Syarbīnī, op.cit.h.158. Ibn Qudāmah, op.cit.h.217. Al-Ramlī, (1993M-1414H), *Nihāyah al-Muhtāj*, jld:6, Bērūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah, h.243. Ahmad Badr al-Dīn (Dr), op.cit. jld: 7, h.288.

¹¹² Ibid, h.243. Al-Syarbīnī, op.cit. 158. Muḥammad Roshdī, op.cit. h126.

Seterusnya, keizinan secara jelas pula terbahagi kepada dua jenis, iaitu:

Pertama: Ditentukan wakil kedua.

Kedua: Tidak ditentukan wakil yang kedua.

1.1. Ditentukan wakil yang kedua.

Dengan erti, *muwakkil* telah menentukan kepada wakil yang pertama siapakah yang akan menjadi wakil yang kedua jika wakil yang pertama menarik diri untuk mengahwinkannya (*muwakkil*).

Contohnya seperti:

Kata *muwakkil*: Aku wakilkan kepada kamu untuk mengahwinkan anakku Fatimah dengan ‘Alī dan jika kamu keberatan, hendaklah kamu wakilkan kepada Umar untuk menggantikan tempat kamu.

Dalam permasalahan ini, adalah menjadi kewajipan kepada wakil yang pertama untuk mewakilkan kepada wakil yang telah ditentukan oleh *muwakkil* secara khusus. Ini kerana, tugas wakil adalah terikat dengan keizinan yang telah diberikan oleh *muwakkil* kepadanya. Dengan erti kata yang lain, wakil adalah dilarang sama sekali untuk menyalahi keizinan dan had kuasa yang telah diberikan kepadanya oleh *muwakkil*¹¹³.

¹¹³ Zakī al-Dīn Sya'bān, op.cit. h56. Muhammad 'Uqlah, op.cit. h.301. Muhammad Roshdi, op.cit h126.

1.2.Tidak ditentukan wakil yang kedua.

Dalam bahagian ini pula, *muwakkil* tidak menentukan kepada wakil siapakah yang akan mengantikannya jika ia keberatan untuk melangsungkan aqad perkahwinan bagi pihak *muwakkil*. Dengan erti kata yang lain, *muwakkil* memberi kebebasan kepada wakil untuk menentukan siapakah yang akan menjadi wakil yang seterusnya sebagai ganti kepada pihak dirinya (wakil pertama).

Contohnya seperti:

‘Alī mewakilkan kepada Hasan untuk mengahwinkan anaknya Mahani dengan Zainal, kemudian ia berkata: Jika kamu keberatan, bolehlah kamu wakilkan kepada siapa sahaja untuk menggantikan tempat kamu.

Dalam permasalahan ini, menurut ulama’ pihak wakil boleh menentukan secara bebas siapakah yang akan menggantikan tempatnya untuk menjadi wakil yang kedua kepada *muwakkil* tanpa perlu merujuk semula kepada pihak *muwakkil*. Ini kerana pihak *muwakkil* telahpun memberikan keizinannya kepada wakil untuk mewakilkan kepada wakil yang kedua tanpa ditentukan secara jelas dan pasti siapakah yang akan menjadi wakil yang kedua yang akan menggantikan tempatnya (wakil pertama). Dengan itu adalah menjadi hak wakil untuk menentukan siapakah yang akan menggantikan tempatnya untuk menjadi wakil yang kedua bagi pihak *muwakkil*¹¹⁴.

¹¹⁴ Ibid. Muhammad. Zakī al-Dīn Sya'bān, op.cit. Muḥammad 'Uqlah. Op.cit. Al-Syarbīnī, op.cit.h.158.

1.3.Hukum pengguguran tugas wakil pertama oleh wakil kedua.

Menurut *fīqahā'*, apabila wakil pertama mewakilkan tugasnya kepada wakil yang kedua, dia tidak mempunyai hak untuk menggugurkan atau memecat wakil yang kedua. Begitu juga, tugas wakil kedua tidak akan terbatal dengan sebab matinya wakil yang pertama. Ini kerana, wakil kedua adalah merupakan wakil kepada *muwakkil* dan bukannya wakil kepada wakil pertama¹¹⁵.

2.0. Tanpa keizinan.

Dalam perbahasan yang kedua daripada hukum wakil atas wakil, penulis akan membincangkan tentang hukum apabila *muwakkil* tidak mengizinkan kepada wakil untuk mewakilkan kepada pihak yang lain untuk melaksanakan amanah ataupun tugas yang telah diserahkan kepadanya. Dengan erti kata yang lain, *muwakkil* inginkan supaya wakil melaksanakan tugas mengahwinkannya dengan sendirinya tanpa diserahkan kepada sesiapa pun untuk melaksanakannya.

Dalam permasalahan ini, para ulama' berpendapat bahawa tidak diharuskan dan tidak dibolehkan sama sekali bagi wakil untuk mewakilkan kepada pihak yang lain untuk mengahwinkan *muwakkil*. Ini bermakna, jika wakil mewakilkan kepada wakil yang kedua

¹¹⁵ Ibn Qudāmah, op.cit. h. 217

untuk mengahwinkan *muwakkil*, ianya adalah tidak sah dan jika *muwakkil* dikahwinkan juga oleh wakil yang kedua, hukum aqad yang dilakukan juga adalah tidak sah¹¹⁶.

Ini kerana kekuasaan yang ada pada wakil adalah disebabkan oleh keizinan dari *muwakkil* dan ianya adalah dengan persetujuan daripada *muwakkil* untuk menyerahkan haknya kepada wakil. Oleh itu, wakil tidak boleh menyerahkan hak tersebut kepada pihak yang lain kerana *muwakkil* hanya menyerahkan haknya kepada wakil sahaja.

Selain itu, *muwakkil* hanya bersetuju dengan pandangan *wakil* sahaja dan bukannya dengan pandangan orang lain. Oleh yang demikian adalah tidak dibolehkan sama sekali kepada wakil untuk mewakilkan ataupun menyerahkan amanah dan tugas yang telah diserahkan kepadanya kepada pihak yang lain jika ianya tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada *muwakkil*¹¹⁷.

Pandangan kedua daripada ulama' mengatakan bahawa aqad yang dilakukan oleh wakil adalah *mauqūf* atau terhenti kesahihannya kepada keizinan daripada *muwakkil*. Ini bererti jika *muwakkil* memberikan keizinannya ataupun bersetuju dengan aqad yang telah dilakukan oleh wakil kedua, ianya dikira sah dan sempurna¹¹⁸. Dalam hal ini, kedudukan wakil samalah dengan *al-fidūlī*.

¹¹⁶ Muhammad Rosydi, op.cit.

¹¹⁷ Zakī al-Dīn Sya'bān, op.cit.h.56.

¹¹⁸ 'Uqlah, op.cit.h.301.

FASAL KELIMA

AQAD *FUDŪLĪ*.

Aqad *Fudūlī* adalah merupakan salah satu perbincangan yang penting yang dibincangkan oleh para ulama' sewaktumana mereka membincangkan berkenaan dengan *wakālah* dalam aqad perkahwinan. Untuk melengkapkan kajian, dalam fasal ini penulis akan membincangkan berkenaan dengan aqad yang dilakukan oleh *al-fudūlī* secara terperinci. Perbincangan akan di perincikan dengan dibahagikan kepada empat perbahasan utama, iaitu:

Pertama: Takrif *fudūlī*.

Kedua: Pembahagian aqad *al-fudūlī*.

Ketiga: Sikap ulama' terhadap aqad *al-fudūlī*.

Keempat: Hukum khas aqad *fudūlī*.

1.0.Takrif *Fudūlī*.

Fudūlī ialah:

"Seseorang yang mengendalikan urusan orang lain tanpa keizinan dari syara'"¹¹⁹

¹¹⁹ Sa'di Abū Jāyb, op.cit.h.287.

Dalam *Mu'jam Lughah al-Fuqahā'*, *al-Fuḍūlī* bermaksud¹²⁰:

Seseorang yang bertasarruf ke atas sesuatu yang dimiliki oleh orang lain tanpa diwakilkan atau bukan dengan sebab kekuasaan (wilayah).

Dari takrif yang telah dikemukakan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa maksud dari aqad *al-fuḍūlī* itu ialah setiap perkara dan urusan yang dilakukan oleh seseorang untuk pihak orang lain tanpa mandapat keizinan terlebih dahulu daripada pihak yang berkenaan ataupun tanpa diizinkan terlebih dahulu oleh syara'.

Manakala maksud *fuḍūlī* dalam perbahasan ini pula ialah;

Aqad perkahwinan yang dilakukan oleh seseorang untuk pihak yang lain tanpa keizinan syara' dan tanpa diwakilkan terlebih dahulu oleh pihak yang dikahwinkan olehnya (al-Fuḍūlī).

2.0.Pembahagian aqad *al-Fudūlī*.

Secara umumnya aqad *Fuḍūlī* terbahagi kepada dua bahagian, iaitu;

Pertama: *Fuḍūlī* daripada satu pihak.

Kedua: *Fuḍūlī* daripada dua pihak.

¹²⁰ Muhammad Rawwās, op.cit. h.347.

2.1. *Fudūlī* daripada satu pihak.

Bahagian pertama daripada aqad *fuḍūlī* ialah *fuḍūlī* daripada satu pihak, samada ianya daripada pihak lelaki ataupun daripada pihak perempuan. Contoh bagi permasalahan ini seperti:

- i) Ahmad berkata kepada ‘Alī; “Aku kahwinkan kamu dengan Fatimah dengan mahar 100 dinar”. Berkata ‘Alī: “Aku terima nikahnya dengan mahar yang tersebut”. Sewaktu aqad tersebut dilakukan oleh Ahmad, beliau tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Fatimah ataupun wali kepada Fatimah untuk mengahwinkannya dengan mana-mana lelaki.
- ii) Sulaiman menerima nikah bagi pihak kawannya yang bernama Yūsuf dengan seorang perempuan tanpa diwakilkan ataupun diizinkan oleh Yūsuf terlebih dahulu. Seperti katanya: “Aku terima nikahnya bagi pihak Yūsuf dengan mahar yang tersebut”.

Daripada dua contoh yang diberikan di atas, jelas bahawa berlakunya *fuḍūlī* daripada satu pihak yang mana pada contoh yang pertama *fuḍūlī* daripada pihak wanita dan pada contoh yang kedua *fuḍūlī* adalah daripada pihak lelaki.

2.1.1. Hukum aqad *Fudūlī* daripada satu pihak.

Menurut pandangan yang membolehkan nikah *fudūlī*, aqad perkahwinan yang dilakukan oleh *fuḍūlī* daripada satu pihak adalah harus dan sah serta sempurna apabila ianya disertai dengan keizinan daripada pihak yang berkenaan atau pihak yang dikahwinkan seperti Fatimah pada contoh yang pertama dan Yūsuf bagi contoh yang kedua setelah berlangsungnya aqad. Ini adalah berdasarkan kepada hujah-hujah yang akan diperbincangkan dalam *khilāf ulama'* dalam menentukan hukum aqad *fudūlī* selepas ini.

2.2. *Fudūlī* daripada dua pihak.

Bahagian yang kedua daripada aqad *fudūlī* ialah *fudūlī* daripada kedua-dua pihak, iaitu daripada pihak lelaki dan perempuan. Dengan erti kata yang lain, pihak yang melangsungkan aqad perkahwinan, iaitu pihak yang melakukan *ijab* dan *qabul* tidak mendapat keizinan ataupun tidak diwakilkan terlebih dahulu daripada pihak lelaki (suami) dan perempuan (isteri) atau wali kepada perempuan.

Contoh bagi permasalahan ini seperti¹²¹:

- i) Seorang lalaki berkata: “Aku kahwinkan si Fulan dengan si Fulanah dan Aku terima (nikahnya) bagi pihak dirinya”.

¹²¹ Ibn Humām, op.cit.h. 310.

- ii) Seorang lelaki berkata: "Aku kahwinkan si Fulanah dengan diri Aku (sedangkan perempuan tersebut tiada). Lalu berkata *fudūlī* yang lain; "Aku kahwinkan Fulanah dengan diri kamu".
- iii) Seorang *fudūlī* berkata: "Aku kahwinkan si Fulanah dengan si Fulan (dengan menyebut nama), lalu berkata *fudūlī* yang lain; "Aku terima bagi pihak si Fulan".

Daripada tiga contoh di atas, jelas kepada kita bahawa aqad *fudūlī* daripada dua pihak berlaku dalam dua bentuk, iaitu:

Pertama: Seorang bertindak menjadi *fudūlī* kepada kedua-dua pihak seperti pada contoh yang pertama.

Kedua: Terdapat dua orang yang menjadi *fudūlī* dan setiap seorang menjadi *fudūlī* bagi salah satu pihak yang lain, iaitu seorang menjadi *fudūlī* bagi pihak lelaki dan seorang lagi menjadi *fudūlī* bagi pihak perempuan seperti dalam contoh yang kedua dan ketiga.

2.2.1. Hukum aqad *fudūlī* daripada dua pihak.

Menurut pandangan yang memboleh dan mengharuskan aqad *fudūlī*, mereka juga memboleh dan mengharuskan aqad yang dilakukan oleh *fudūlī* daripada kedua-dua pihak.

Ini bererti, sepetimana dibolehkan aqad *fudūlī* daripada satu pihak, begitu juga dibolehkan aqad *fudūlī* daripada kedua-dua belah pihak. Begitu juga, sepetimana aqad *fudūlī* daripada satu pihak terhenti atas keizinan dan kerelaan daripada pihak yang terbabit untuk mensah dan mensabitkannya, begitu juga halnya dengan aqad *fudūlī* daripada kedua-dua pihak, ianya memerlukan kepada keizinan dan kerelaan daripada kedua-dua pihak yang terlibat. Pendeknya, setiap syarat bagi *fudūlī* daripada satu pihak adalah merupakan syarat bagi *fudūlī* dari kedua-dua pihak.

Hal ini jelas seperti yang disebut oleh Ibn Humām dalam kitabnya¹²²:

إِنَّ الْفَضُولَ لَوْ تَكَلَّمُ بِكَلَامِنْ بَأْنَ قَالَ: زَوَّجْتُ فَلَانَةَ مِنْ فَلَانَ وَقَبَلْتُ عَنْهُ تَوْقِفَ بِالْإِنْفَاقِ.

Ertinya: Sesungguhnya jika seorang *Fudūlī* mengucapkan dengan dua ucapan, seperti ia berkata: *Aku kahwinkan Fulanah dengan Fulan dan Aku terima bagi pihaknya, (aqad tersebut adalah) terhenti (atas keizinan) dengan ittifaq.*

Katanya lagi¹²³:

وَمَا جَرَى بَيْنَ الْفَضُولَيْنِ عَدْ تَامٌ.

Ertinya: *Dan apa yang berlaku di antara dua orang fudūlī adalah merupakan aqad yang sempurna.*

Menurut pandangan ini, setiap aqad yang dilakukan oleh *al-fudūlī*, samada seorang bertindak dengan menjadi *fudūlī* kepada kedua-dua belah pihak ataupun dua

¹²² Ibid.

¹²³ Ibid. h 311

orang menjadi *fudūlī* kepada kedua-dua pihak, hukumnya adalah harus dan kesahihan aqad tersebut adalah terhenti di atas keizinan pihak yang terbabit.

Menurut mereka, ini kerana walaupun ianya berlaku ataupun dilakukan tanpa diwakilkan terlebih dahulu, tetapi dalam proses melakukannya terdapat dua unsur penting iaitu *ijab* dan *qabul*. Begitu juga jika dibandingkan dengan *fudūlī* daripada satu pihak, antara keduanya tidak terdapat perbezaan, bahkan kedua-duanya mempunyai persamaan iaitu dari segi berhajat dan memerlukan kepada keizinan (إجازة) daripada pihak yang terbabit¹²⁴.

3.0. Sikap ulama' terhadap aqad *al-Fudūlī*.

Para ulama' berselisih pandangan dalam menentu dan mensabitkan aqad yang dilakukan oleh *al-fudūlī*. Secara terperincinya, *khilāf* ini terbahagi kepada dua pandangan utama, iaitu;

Pertama: *Hanafiyah* dan satu pandangan dalam mazhab *Ḥanbalī*.

Kedua: *Syāfi'iyyah* dan pandangan terkuat dalam mazhab *Ḥanbalī*.

¹²⁴ Al-Sarakhsī, op.cit. h.19.

3.1. Pandangan pertama.

Hanafi dan satu pandangan dalam mazhab Hanbalī berpendapat bahawa aqad yang dilakukan oleh *al-fuḍūlī* adalah merupakan aqad yang harus dan ianya adalah merupakan aqad yang *mauqūf* ataupun terhenti kesahihannya di atas keizinan daripada pihak yang dikahwinkan¹²⁵. Bahkan menurut Abū Yūsuf dan Zāidīyyah, aqad *al-fuḍūlī* adalah sah sekalipun ‘āqid bukanlah merupakan wali ataupun wakil dari kedua-dua pihak¹²⁶.

Ini bermakna, jika sekiranya pihak yang dikahwinkan mengizinkan dan meredai dengan aqad yang telah dilangsungkan tersebut, ianya adalah merupakan aqad yang sah dan sempurna sepetimana dengan aqad biasa yang lain. Namun, jika sekiranya pihak yang dikahwinkan tidak meredai ataupun tidak mengizinkannya, maka aqad tersebut dengan sendirinya akan terbatal dan tidak sah sama sekali.

Disebut dalam kitab *Syārḥ Fath al-Qadīr*¹²⁷:

وتزويج العبد والأئمة بغير إذن مولاهما موقوف فإن أحرازه المولى جاز وإن رده بطل وكذلك لو زوج

رجل إمرأة بغير رضاها أو رجلاً بغير رضاه.

Ertinya: *Dan mengahwinkan seseorang hamba lelaki ('Abd) dan hamba perempuan (Amah) tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada*

¹²⁵ Ibn Qudāmah, op.cit.h250. Al-Sarakhsī, op.cit.h15 Ibn Ābidīn, op.cit. h.100.Ibn Humām, op.cit.h.307.

¹²⁶ 'Abd al-'Azīz 'Azzām, (Dr) et al, op.cit. h. 92-93.

¹²⁷Ibn Humām, op.cit.

tuan keduanya adalah terhenti kesahihaninya ke atas keizinan. Jika diizinkan oleh tuan, maka harus (sah aqad tersebut) dan jika ia (tuan) menolak (tidak mengizinkan) aqad tersebut terbatal. Begitu juga jika seorang lelaki mengahwinkan perempuan tanpa keizinannya ataupun mengahwinkan seorang lelaki tanpa keizinannya.

Untuk menguatkan pandangan ini, mereka telah berhujah dengan beberapa hujah, antaranya;

3.1.1. Hujah pertama

Aqad yang dilakukan oleh *al-Fudūlī* adalah merupakan satu perbuatan yang mulia dan ianya termasuk dalam ertikata tolong-menolong dalam melakukan urusan kebaikan dan ketakwaan¹²⁸. Tambahan pula, pihak yang dikahwinkan tidak dipaksa sama sekali untuk menerima ataupun bersetuju dengan aqad yang dilakukan untuk dirinya, sebaliknya ia diberi pilihan samada untuk menerima ataupun menolak aqad yang telah dilakukan tersebut. Dengan itu ianya adalah sah dan sempurna, tatapi bergantung kepada keizinan daripada pihak yang terbabit¹²⁹.

3.1.2. Hujah kedua.

Aqad yang dilakukan oleh *al-Fudūlī* memenuhi dan menepati dengan kehendak rukun nikah. Ini kerana ianya lahir dan berhasil daripada ahlinya, iaitu orang yang merdeka dan berakal.

¹²⁸ Seperti maksud ayat kedua Dari Sūrah al-Māidah.

¹²⁹ Ibn Ḥūmān. op.cit. h. 309

Seterusnya aqad tersebut ditujukan kepada tempatnya, iaitu perempuan yang halal dikahwini daripada anak *Nabi Adam* a.s. Dengan itu tidak ada sebab dan hujah yang kukuh yang boleh mengatakan bahawa aqad yang dilakukan oleh *al-Fudūlī* adalah tidak sah.

Disebut dalam kitab *Syarḥ Fath al-Qadīr*¹³⁰

ولنا أن ركن التصرف صدر من أهله مضافاً إلى عمله ولا ضرر في إنعقاده.

Ertinya: *Dan bagi kami rukun tasarruf lahir daripada ahlinya (dan) disandarkan kepada tempatnya, (dengan itu) tidak menjadi masalah untuk mengesahkannya.*

3.1.3. Hujah ketiga.

Seterusnya, mereka mengkiaskan aqad yang dilakukan oleh *al-fudūlī* dengan *taṣarruf* yang dilakukan oleh kanak-kanak. Menurut mereka, *taṣarruf* daripada kanak-kanak seperti menjual harta dan memerdekaan hamba yang dimilikinya, membeli sesuatu, berkahwin, menceraikan isteri, bersedekah dan lain-lainnya akan dikira sah dan sempurna apabila diizinkan oleh walinya, begitu juga dengan aqad yang dilakukan oleh *al-fudūlī*. Dengan erti, aqad *al-fudūlī* dikira sah apabila didizinkan oleh pihak yang terbabit sepetimana dikira sah *taṣarruf* kanak-kanak setelah ianya mendapat keizinan atau diizinkan oleh walinya¹³¹.

¹³⁰ Ibid.al-Sarakhsī, op.cit. h.15.

¹³¹ Ibn Ḥumām, op.cit. h.308.

3.1.4. Hujah keempat.

Mereka juga mengkiaskan aqad yang dilakukan oleh *al-fudūlī* dengan lafaz taklik yang dilakukan oleh *ajnabi*¹³².

Gambarannya seperti; Berkata seorang *ajnabi* kepada isteri seorang lelaki:

“Jika kamu masuk ke dalam rumah, kamu diceraikan”.

Lafaz taklik di atas adalah sempurna, tetapi ianya memerlukan kepada keizinan daripada suami perempuan tersebut untuk mensabitkannya. Ini bererti, jika pihak suami kepada perempuan tersebut memberikan keizinannya, maka ianya dikira taklik yang sah dan sempurna dan perempuan tersebut akan tercerai jika ia melakukan apa yang telah ditaklikkan, iaitu masuk ke dalam rumah¹³³.

Menurut mereka, sepatimana harus taklik daripada *ajnabi* dan ianya terhenti di atas keizinan daripada pihak suami, begitu juga dengan aqad yang dilakukan oleh *al-fudūlī*, kesahihan dan kesabitannya adalah terhenti di atas keizinan daripada pihak yang terbabit secara langsung ataupun wakil daripada pihak mereka.

¹³² Maksud kepada *ajnabi* di sini ialah: “Orang asing yang bukan merupakan suami kepada perempuan yang ditaklikkan”.

¹³³ Ibn Humām, op.cit

3.1.5. Hujah kelima.

Menurut pandangan ini lagi, keizinan yang diperolehi pada penghujung atau setelah berlakunya aqad adalah sama kedudukannya dengan keizinan yang diperolehi daripada permulaannya atau sebelum daripada berlakunya aqad.

Oleh itu sepihama sahnya aqad yang mendapat keizinan terlebih dahulu sebelum daripada berlakunya, begitu juga sah aqad yang mendapat keizinan setelahnya. Ini kerana rukun aqad iaitu *ijab* dan *qabul* yang merupakan hak kepada kedua pihak yang melakukan aqad telahpun disandarkan kepada pihak yang boleh berlaku aqad ke atasnya. Oleh itu aqad adalah sah tetapi ianya terhenti di atas keizinan daripada pihak yang dikahwinkan demi untuk menjaga kemaslahatan dan menolak kemudaratan ke atas dirinya¹³⁴.

3.2. Pandangan kedua.

Menurut pandangan ini, aqad yang dilakukan oleh *al-Fudūlī* adalah tidak sah samada ianya diizinkan ataupun tidak diizinkan oleh pihak yang terbabit.

¹³⁴ Al-Sarakhsī, op.cit.

Untuk menguatkan pandangan ini, mereka telah mengemukakan tiga hujah, iaitu:

3.2.1. Hujah pertama.

Menurut mereka, aqad perkahwinan disyariatkan adalah berdasarkan kepada hukum-hukumnya. Ini berdasarkan kepada tujuan asal (*al-maqādīs id al-aslīyyah*) daripada perkahwinan. Manakala sebab ataupun *illat* adalah merupakan jalan ataupun *wasīlah* untuk sampai kepada tujuan dan maksud kapada perkahwinan. Dengan itu, aqad yang dilakukan oleh *al-Fudūlī* adalah tidak sah kerana ianya tidak mampu untuk mensabitkan hukum bagi aqad perkahwinan tersebut¹³⁵.

3.2.2. Hujah kedua.

Menurut pandangan ini lagi, jika aqad perkahwinan yang dilakukan oleh *al-Fudūlī* dikatakan sah, ini bermakna perkara-perkara yang lain juga seperti memiliki harta juga boleh dikiaskan kepada aqad *fudūlī* tersebut. Dengan erti, seseorang boleh memiliki harta orang lain dengan cara *fudūlī*.

Sebagai contoh:

Si A menyerahkan harta milik si B kepada si C tanpa mendapat keizinan daripada si B terlebih dahulu.

¹³⁵.Ibid.

Menurut mereka, perkara yang seumpama ini adalah tidak wajar sama sekali. Ini kerana ianya membawa kepada kerosakan ataupun *kefasadan* dan akan mendatangkan keceluaran yang nyata. Seterusnya, ianya akan memusnahkan keharmonian dan kesepakatan yang terjalin sejak sekian lama. Dengan itu, menurut mereka aqad yang dilakukan oleh *al-Fudūlī* adalah tidak sah walaupun ianya diiringi dengan keizinan dan kerelaan setelahnya¹³⁶.

3.2.3. Hujah ketiga.

Menurut pandangan ini lagi, keizinan adalah merupakan syarat utama untuk mensahkan aqad. Oleh kerana aqad yang dilakukan oleh *al-Fudūlī* tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada pihak yang dikahwinkan, maka ianya adalah tidak sah¹³⁷.

Setelah melihat kepada perbincangan dan hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua pandangan, penulis lebih cenderung untuk menyokong dan menarjihkan pandangan kedua yang mengatakan bahawa aqad yang dilakukan oleh *al-Fudūlī* adalah tidak sah. Pemilihan kepada pandangan ini adalah dikeranakan dengan beberapa sebab, iaitu;

- i) Aqad perkahwinan adalah merupakan satu ikatan yang suci lagi murni. Dengan itu, ianya mestilah dilakukan dengan sesempurna mungkin tanpa dicemari dengan unsur-unsur yang boleh mencemari kesucian dan keharmoniannya.

¹³⁶ Ibid.

¹³⁷ Ibn Qudāmah, op.cit. h.251.

- ii) Perkahwinan disyariatkan adalah untuk melahirkan rumah tangga yang rukun, aman dan damai. Oleh itu, ikatan yang dibina mestilah kukuh dan diyakini kesahihannya. Ini kerana aqad yang dilakukan oleh *al-Fudūlī* adalah diragui kesahihannya mengikut pandangan sebahagian daripada ulama' *fiqh*. Dalam hal ini, Rasūlullāh s.a.w. bersabda:¹³⁸

دَعْ مَا يَرِيكَ إِلَى مَا لَا يَرِيكَ

Ertinya: *Tinggallah sesuatu yang meragukan kamu dan ambillah sesuatu yang tidak meragukan kamu.*

Kaedah *fiqh* mengatakan¹³⁹:

الخروج من الخلاف مستحب

Ertinya: *Keluar daripada khilāf adalah digalakkan*".

- iii) Jika aqad yang dilakukan oleh *al-Fudūlī* adalah sah, ianya akan mengundang kepada bencana dan kekeliruan dalam masyarakat. Ini kerana sesiapa sahaja boleh mengahwinkan orang lain tanpa perlu mendapatkan keizinan dari pihak yang dikahwinkan. Perkara ini tentulah akan mengelirukan masyarakat dan seterusnya akan menyumbang kepada berlakunya fitnah.

¹³⁸ Ahmad Ibn Ḥanbal, op.cit.jld:4, h.224, no: 12100, Hadith Anas bin Mālik.

¹³⁹ Al-Sayūdī, op.cit. h.176.

- iv) Aqad perkahwinan adalah merupakan sesuatu yang mudah dan senang untuk dilakukan. Oleh itu, ianya hendaklah dilakukan dengan cara yang sepatutnya dan tidak perlu kepada cara-cara yang tidak disepakati oleh ulama'.

Dengan itu, pandangan yang mengatakan bahawa aqad yang dilakukan oleh *al-Fudūlī* tidak sah adalah lebih tepat kerana ianya disandarkan dengan hujah yang kuat, khususnya *hadith* dan juga *qaedah* di atas. Bahkan pandangan ini adalah lebih selamat dan boleh mengelak daripada berlakunya keraguan khususnya kepada anak dan generasi yang bakal dilahirkan hasil daripada perkahwinan tersebut.

4.0. Hukum khas aqad *Fudūlī*

Setelah diperbincangkan secara terperinci tentang hukum aqad yang dilakukan oleh *fudūlī*, penulis ingin memanjangkan perbincangan dengan membicarakan tentang hukum khas yang bersangkutan dengan aqad yang dilakukan oleh *al-fudūlī*.

Maksud dari hukum khas di sini ialah berkenaan dengan hukum penarikan semula atau pembatalan aqad oleh *al-fudūlī*. Dengan erti kata yang lain, adakah dibolehkan kepada *al-fudūlī* untuk membatalkan ataupun menarik semula aqad yang telah dilakukan olehnya?

Dalam hal ini, terdapat dua pandangan utama daripada ulama' yang membolehkan berlakunya aqad secara *fudūlī*. Menurut Imam Abū Yūsuf, *al-fudūlī* boleh memfasahkan

atau membatalkan aqad yang telah di lakukan olehnya, tetapi dengan syarat ianya mestilah berlaku sebelum aqad tersebut diijazahkan atau diizinkan oleh pihak yang terlibat. Dengan ibarat kata yang lain, jika pihak yang terlibat sudahpun bersetuju dan mengizinkan aqad yang telah dilangsungkan oleh *al-fudūlī* tersebut, maka ia (*al-fudūlī*) tidak lagi mempunyai kuasa untuk menarik atau membatalkan aqad yang telah dilakukannya.

Menurut beliau, permasalahan ini samalah sepertimana dengan aqad jual beli. Sepertimana wakil dalam jual beli boleh membatalkan aqad yang yang telah dilakukan olehnya sebelum barang jualan diserahkan kepada *muwakkil*, begitu juga dengan *al-fudūlī* dalam aqad perkahwinan, ia boleh membatal dan menarik semula aqad perkahwinan yang telah dilakukan olehnya sebelum aqad tersebut diijazahkan atau diizinkan oleh pihak yang terbabit¹⁴⁰.

Manakala menurut Imam Muhammad bin Hasan pula, pihak *fudūlī* tidak mempunyai hak sama sekali untuk membatalkan aqad yang telah dilakukan olehnya. Ini kerana, hak-hak yang bersangkutan dengan aqad nikah seperti mahar, nafkah dan seumpamanya tidak akan dipertanggungjawabkan kepada wakil. Hal ini berbeza dengan *wakil* dalam aqad jual beli, di mana ia akan dipertanggungjawabkan dengan barang-barang yang dibeli. Dengan itu, *al-fudūlī* tidak mempunyai hak dan tidak boleh sama sekali untuk membatalkan atau memfasahkan aqad yang telah dilakukan olehnya¹⁴¹.

* * *

¹⁴⁰ Ibn Humām, op.cit. h.312..

¹⁴¹ Ibid.